# قليتا بروني
# PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"KEMUDIAN apabila engkau telah berazam
(untuk berbuat sesuatu sesudah bermesyuarat) maka
bertawakallah kepada Allah (melaksanakannya).
Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala
dalam Surah Ali 'Imran, ayat 159.

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.47 | SUBUH 4.57 | SYURUK 6.21 | DUHA 6.45 | ZUHUR 12.17 | ASAR 3.39 | MAGHRIB 6.11 | ISYAK 7.26 | Daerah Belait ditambah 3 minit, Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 151 | 16 DISEMBER 2024 / 1446 جمادي الأخير 14 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA


# KEBAWAH DYMM AKAN BERANGKAT KE LONDON, UNITED KINGDOM

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**
**Foto : Jabatan Penerangan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 16 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat mengadakan Kunjungan Muhibah kepada His Majesty King Charles III, King of the United Kingdom and Northern Ireland; Perjumpaan bersama Perdana Menteri United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland, The Right Honourable Sir Keir Starmer; dan seterusnya akan berangkat ke Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berada di United Kingdom dan Eire di London.

**>> Muka 2**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berangkat mengadakan Kunjungan Muhibah Bersama His Majesty King Charles III, King of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland di Oak Room, Windsor Castle, United Kingdom pada 13 Disember 2022.**

# 29 anggota ABDB selamat tiba ke tanah air

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**RIMBA**, Ahad, 14 Disember. - Seramai 29 anggota dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) terdiri daripada tiga pegawai dan 26 lain-lain peringkat termasuk dua anggota askar wanita telah selamat kembali ke Negara Brunei Darussalam (NBD) petang tadi setelah selesai melaksanakan misi pengaman selama 12 bulan dengan Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lubnan (UNIFIL) bermula dari 14 November 2023 sehingga 16 November 2024.

Kontinjen ABDB MALBATT 850-11 yang diketuai oleh Mejar Hafizi bin Sabli telah tiba di Pusat Pergerakan Udara, Pangkalan Tentera Udara Rimba, di sini, menggunakan pesawat pengangkut C295MW Tentera Udara Diraja Brunei.

**>> Muka 5**

# Pelancaran 2 buku baharu sempena penubuhan Masjid SSBRPAD

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**

**MANGGIS / MADANG**, Sabtu, 14 Disember. - Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (Masjid SSBRPAD), Kampung Manggis / Madang menempa satu lagi peristiwa penting dalam sejarah penubuhannya dengan penerbitan dua buah buku yang dilancarkan hari ini.

Buku 'Kenangan Masjid SSBRPAD Kampung Manggis Madang' diusahakan oleh Jawatankuasa Pandu Penerbitan yang dipengerusikan oleh Awang Haji Mohd Yusof bin Haji Abdul Rahman dan Buku 'Dari Serambi Mekah : Pembisaian Masjid SSBRPAD Manggis Madang' oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong yang juga selaku Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid SSBRPAD.

**>> Muka 3**

# Malam Munajat memperingati Hari Antarabangsa OKU 2024

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 15 Disember. - Program Malam Munajat Kali Ke-164 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) diteruskan secara maya dengan tumpuan di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas.

Malam Munajat kali ini juga diadakan bersempena memperingati Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (OKU) 2024.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh tetamu khas, Pemangku Pengarah Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fazlin bin Haji Amdan.

Diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai yang dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Awang Mohammad Yusri bin Sulaiman.

**>> Muka 4**


IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei


## Berita Utama



UBD memperoleh pengiktirafan global untuk Interdisciplinary Science
Muka 6



MEMPERKASA kefahaman MIB bagi pelajar NBD di Malaysia
Muka 8



PUSAT Sejarah Brunei terbit 6 buku baharu
Muka 9




PRODUK berasaskan bidara buatan tempatan
Muka 19

# Kebawah DYMM akan berangkat ke London, United Kingdom





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berangkat ke Majlis Penandatanganan Perjanjian 'The Exchange of Letters' dalam bidang Pertahanan di Downing Street, London pada 4 Februari 2020 (atas). Manakala gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri semasa berangkat ke Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam yang berada di United Kingdom dan Ireland yang berlangsung di Royal Lancaster Hotel London pada 28 Disember 2023.**

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**
**Foto : Jabatan Penerangan**

**>> Muka 1**

Kunjungan Muhibah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada His Majesty King Charles III mencerminkan hubungan kerjasama yang lama dan rapat serta ikatan persahabatan yang erat antara kerabat diraja dan rakyat, terutama sekali apabila tahun ini menandakan ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik antara NBD dan United Kingdom.

Semasa di London nanti, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga akan mengadakan perjumpaan dengan The Right Honourable Perdana Menteri United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland.

Manakala, Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk NBD akan memberikan peluang bagi yang berada di United Kingdom yang terdiri daripada para penuntut, pegawai dan mereka yang berada di London untuk berjunjung ziarah dan beramah mesra ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

## WAKTU SEMBAHYANG

| DISEMBER MASIHI | HARI | JAMADILAKHIR HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 16 | ISNIN | 14 | 4.47 | 4.57 | 6.21 | 6.45 | 12.17 | 3.39 | 6.11 | 7.26 |
| 17 | SELASA | 15 | 4.48 | 4.58 | 6.21 | 6.45 | 12.17 | 3.39 | 6.12 | 7.26 |
| 18 | RABU | 16 | 4.48 | 4.58 | 6.22 | 6.46 | 12.18 | 3.40 | 6.12 | 7.27 |
| 19 | KHAMIS | 17 | 4.49 | 4.59 | 6.22 | 6.46 | 12.18 | 3.40 | 6.12 | 7.27 |
| 20 | JUMAAT | 18 | 4.49 | 4.59 | 6.23 | 6.47 | 12.19 | 3.41 | 6.13 | 7.28 |
| 21 | SABTU | 19 | 4.50 | 5.00 | 6.23 | 6.47 | 12.19 | 3.41 | 6.13 | 7.28 |
| 22 | AHAD | 20 | 4.50 | 5.00 | 6.24 | 6.48 | 12.20 | 3.42 | 6.14 | 7.29 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 / 25 °C | 30 / 24 °C | 30 / 24 °C |
| Pekan Bangar | 32 / 25 °C | 30 / 24 °C | 30 / 24 °C |
| Pekan Tutong | 31 / 25 °C | 30 / 24 °C | 30 / 25 °C |
| Kuala Belait | 31 / 26 °C | 30 / 24 °C | 30 / 25 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 16 DISEMBER 2024

### Jaga kesihatan semasa beribadat

**KETIKA** ini musim cuti dan seakan-akan sudah menjadi trend kini bagi yang berkemampuan untuk menunaikan ibadat umrah. Dalam keterujaan mempersiapkan diri untuk mengerjakan ibadat umrah, amat penting bagi bakal tetamu Allah Subhanahu Wata'ala menyedari penyakit berjangkit menjadi ancaman berterusan kepada semua jemaah, tidak kira berapa pun usia mereka. Kesihatan diri adalah faktor penting yang dapat menjamin kesempurnaan ibadat.

Sekiranya ada ahli keluarga awda yang berpeluang menunaikan haji dan umrah tidak lama lagi, awda boleh menolong mereka untuk tetap sihat sepanjang berada di sana dengan memastikan mereka telah menerima vaksin terhadap penyakit Meningococcal Meningitis, pneumonia dan influenza. Hanya dengan satu langkah mudah ini, jemaah boleh melindungi diri sendiri, rakan dan orang tersayang.

Meningitis adalah penyakit yang memerlukan rawatan kecemasan kerana ia boleh membawa maut dalam 24 jam, dengan gejala seperti demam, leher tegang, sakit kepala, sensitif terhadap cahaya, kebingungan dan koma. Gejala ini boleh berkembang dengan pantas dan apabila berjuta-juta jemaah dari pelbagai negara berkumpul dalam keadaan sesak seperti ketika menunaikan umrah, jangkitan ini boleh membawa risiko maut.

Dalam satu siaran media yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama mengenai kenyataan terkini yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Arab Saudi baru-baru ini mengenai Garis Panduan Kesihatan bagi Individu yang akan melancong ke Arab Saudi untuk menunaikan ibadat umrah atau membuat lawatan ke dua buah masjid suci bagi tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi dinasihatkan untuk mengambil suntikan vaksin Meningococcal Meningitis, vaksin-vaksin seperti SARS-COV-2 (COVID-19), Seasonal Infuenza dan lain-lain vaksin yang boleh mencegah penyakit seperti Measles, Mumps dan Rubella, Cacar dan sebagainya. Para jemaah juga perlu menyediakan dokumen yang menunjukkan mereka telah menerima suntikan vaksin tersebut.

Hakikatnya, maqasid syariah mengutamakan usaha melindungi nyawa dan akal serta mencegah kemudaratan. Justeru, vaksinasi menjadi jalan penyelesaian seperti dipersetujui pihak berkuasa kesihatan dan agama. Oleh itu, vaksin Meningococcal Meningitis untuk jemaah umrah bukan sekadar keperluan teknikal, sebaliknya kewajipan agama dan tanggungjawab sosial yang perlu dipandang serius semua jemaah untuk kemaslahatan bersama.

Apatah lagi, ia juga bukan untuk diri mereka sahaja, bahkan orang di sekeliling dengan membantu dalam mencegah ledakan wabak dalam kalangan jemaah semasa umrah, sekali gus mengelakkan penularan penyakit apabila kembali ke tanah air.

Ingatkan ahli keluarga awda sendiri untuk mendapatkan suntikan vaksin yang diarahkan untuk keselamatan awda serta keluarga di tanah suci. Ini adalah tanda kasih sayang dan keprihatinan awda terhadap mereka. Walaupun kelihatan kecil tetapi pemberian vaksin ini mampu membantu mereka untuk menyempurnakan ibadat haji dan umrah. - **Ketua Penyuntingan (Ri)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوليه جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوليه ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نݢارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# PELANCARAN 2 BUKU BAHARU SEMPENA PENUBUHAN MASJID SSBRPAD

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**



**>> Muka 1**

Majlis Pelancaran Buku Terbitan Masjid SSBRPAD itu disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Penaung Jawatankuasa Sambutan Ulang Tahun Ke-10 Masjid SSBRPAD berlangsung di masjid berkenaan.



**PENGETUA Pusat Sejarah Brunei, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong semasa menyampaikan ulasan kedua-dua buku berkenaan.**

Buku 'Kenangan Masjid SSBRPAD Kampung Manggis Madang' adalah satu penerbitan khas sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-10 masjid berkenaan yang memuat antara lainnya sejarah pembinaan masjid semenjak mula beroperasi pada 12 Julai 2012 dan digunakan secara rasminya pada 18 Julai 2014.

Buku ini merekodkan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Takmir Masjid dalam usaha mengimarahkan masjid menerusi pelbagai program majlis ilmu, pembelajaran Al-Quran, Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam, rancangan pemedulian anak-anak yatim dan mereka yang memerlukan bantuan serta rancangan sukan dan riadah dari sejak perasmian masjid ini sehingga Sambutan Ulang Tahun Ke-10 pada tahun ini.

Sementara Buku 'Dari Serambi Mekah : Pembisaian Masjid SSBRPAD Manggis Madang' pula merakamkan pengalaman, pengamatan dan pemerhatian rombongan sebahagian Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dalam jejak silaturahim melaksanakan lawatan ke Aceh dan Medan di Indonesia dan Yayasan Restu di Malaysia dari 28 Oktober hingga 3 November 2023, menyaksikan secara dekat situasi di Aceh dan memerhati perubahan dan perkembangan sosio-ekonomi-politik dan kemasyarakatan di wilayah berkenaan pasca Tsunami.

Secara keseluruhan, kembara ke Aceh dan Medan memberi peluang ahli rombongan menambah pengetahuan dan meraih pengalaman memerhatikan pengimarahan beberapa buah masjid, pesantren dan pertemuan dengan para ahli ilmuwan ugama antaranya lawatan ke Masjid Baiturrahman yang tidak tergugat oleh bencana Tsunami dan lawatan ke Masjid Brunei Darussalam yang didirikan atas sumbangan rakyat dan penduduk negara ini semasa Tsunami.

Langkah kembara ini juga memberikan pengetahuan mengenai semangat kental, kegigihan serta iltizam individu dan korporat dalam menggalas tanggungjawab membangun tenaga manusia dalam pendidikan menerusi pelaburan saham akhirat melalui wakaf dan infak bagi mendirikan masjid, institusi tahfiz dan pesantren dengan penuh kejayaan.

Manakala lawatan ke Nasyrul Quran, Yayasan Restu di Putrajaya Malaysia telah membuka minda ahli rombongan menyaksikan pusat kedua terbesar percetakan Al-Quran di dunia dan keupayaan dan kemampuan Yayasan Restu menghasilkan jubin bermotif seni Islam sebagai hiasan dalaman masjid.

Lawatan ini dapat disifatkan sebagai pembakar semangat yang meningkatkan komitmen ahli rombongan untuk menghidupkan semula rancangan hiasan dalaman masjid yang sudah tercetus sejak tahun 2019 dan menjadi realiti pada tahun 2024.

Pada majlis tersebut, Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong turut menyampaikan ulasan bagi kedua-dua buku berkenaan.

Sejurus pelancaran, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama kemudiannya menyempurnakan penyampaian buku - buku kepada wakil dari jabatan kerajaan dan perpustakaan-perpustakaan utama.

Kedua-dua buah buku berkenaan juga akan dijual kepada orang ramai.



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku Penaung Jawatankuasa Sambutan Ulang Tahun Ke-10 Masjid SSBRPAD berlangsung di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (atas dan atas kiri).**









# MALAM MUNAJAT MEMPERINGATI HARI ANTARABANGSA OKU 2024

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Manakala Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Pelajaran Kanan, Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Pengiran Shahrul Nazrin @ Haziq Al-Mukhtar bin Pengiran Haji Shahbudin.

Malam Munajat diserikan lagi dengan Tazkirah yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Muhammad Naqib bin Haji Awang.

Dalam tazkirahnya, beliau antara lain menyentuh bahawa "terdapat dari kalangan kita yang dilahirkan kurang sempurna atau dilahirkan sempurna dan kemudiannya hilang beberapa panca indera disebabkan penyakit, kemalangan dan sebagainya. OKU atau keluarga mereka sahaja yang tahu betapa beratnya ujian hidup sebagai OKU.

"Allah Subhanahu Wata'ala tidak akan memilih mereka untuk menerima ujian seberat ini melainkan mereka mampu menanggungnya kerana Allah Subhanahu Wata'ala tidak membebankan seseorang melainkan sesuai dengan kemampuannya. Apabila mereka dipilih dengan ujian sebegini, sebenarnya juga sebagai tanda Allah Subhanahu Wata'ala mengasihi dan mencintai mereka. Bilamana mereka sabar, reda dan syukur, sudah pasti syurga untuk mereka."

Selesai Tazkirah, program diteruskan dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai dipimpin oleh Guru Pendidikan Khas Ugama, Jabatan Pengajian Islam, KHEU, Awang Mazli bin Moksin.

Sebelum mengakhiri acara, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Adee Aiman bin Haji Muhidin.

Turut serta, Pegawai Pelajaran Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Kuala Belait, Awang Aziz bin Assan, selaku Juru Alih Bahasa untuk program tersebut, malam tadi.

Mengimarahkan lagi program Malam Munajat tersebut ialah golongan OKU serta para pegawai dan kakitangan Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan.

Juga menyemarakkan, Ahli Jawatankuasa Takmir dan jemaah Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas serta dari masjid-masjid termasuk surau dan balai ibadat yang berjumlah 45 buah dari seluruh negara.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir pada Program Malam Munajat Kali Ke-164 bersempena memperingati Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (OKU) 2024.

Turut sama, warga kerja KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya bersama keluarga dan juga individu yang turut serta secara maya dari kediaman masing-masing.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar NBD dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat dari segala bala bencana dan penyakit merbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap hari Sabtu Malam Ahad secara maya melalui pautan *https://tiny.cc/munajatkheu*.

# Program Menyantuni Masyarakat bantu golongan memerlukan

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**PULAIE**, Ahad, 15 Disember. – Seramai 48 orang penerima menerima sumbangan pada Program Menyantuni Masyarakat Edisi ke-1 yang dikendalikan oleh Projek Bina Bakti dengan sokongan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Bahagian Pembangunan Muallaf, Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

Majilis Pelancaran Program Menyantuni Masyarakat Edisi ke-1 itu disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, selaku tetamu kehormat majlis, diadakan di Dewan Persidangan PDI.

Antara tujuan program adalah bagi membantu golongan yang kurang bernasib baik seperti asnaf mualaf, ibu tunggal, dan keluarga yang kurang berkemampuan dalam meringankan beban seharian.

Pada majlis tersebut, para penerima menerima sumbangan keperluan asasi daripada Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Insurans Islam TAIB dan Darussalam Holding Sdn. Bhd.

Daripada jumlah berkenaan, 15 penerima daripadanya adalah mualaf di bawah kendalian Bahagian Pembangunan Muallaf (Kebajikan Muallaf) PDI.

Penyerahan sumbangan barangan keperluan berkenaan disampaikan oleh tetamu kehormat dan Pemangku Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Ahmad Nizam bin Dato Paduka Haji Ismail.

Terdahulu, Pemangku Pengerusi I, Projek Bina Bakti, Awang Muhammad Amirul Aqil bin Abdullah Ang dalam ucapannya berkata, Program Menyantuni Masyarakat adalah bagi menggantikan program yang lama iaitu Program Peduli Masyarakat.

Pada Program Peduli Masyarakat jelasnya, Projek Bina Bakti telah membantu lebih 480 orang penerima di seluruh daerah menerusi edisi jelajah yang diadakan setiap tiga bulan sekali.

"Program Menyantuni Masyarakat ini diadakan bertujuan untuk meringankan beban keluarga yang memerlukan dan InsyaaAllah Projek Bina Bakti akan menyusun strategi jangka masa panjang bagi tahun 2025-2035", ujarnya.

Turut hadir pada majlis tersebut, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU; Awang Misle bin Haji Abdul Karim, Pengarah PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh, Pengerusi Muafakat Islam Wilayah Persekutuan Labuan, Yang Berbahagia Dato Seri Shuib bin Nasir, pegawai-pegawai daripada PDI dan jemputan-jemputan khas.





SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) semasa menyerahkan sumbangan kepada para penerima (atas dan kiri).



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri semasa menyerahkan sumbangan kepada penerima.

# Festival Media Kreatif hargai artis, penggiat seni tempatan

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**





**PEMANGKU Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali hadir selaku tetamu kehormat (atas), manakala gambar kiri, antara persembahan nyanyian pada festival tersebut.**

**JERUDONG**, Sabtu, 14 Disember. - Dalam usaha untuk memberi penghargaan kepada para artis dan penggiat seni tempatan dalam penciptaan lagu, nyanyian dan pembuatan muzik video, Radio Televisyen Brunei (RTB) mengadakan rancangan Festival Media Kreatif bagi Tahun 2024 bertempat di Jerudong Park, Amphitheatre.

Festival ini menggabungkan tiga program anugerah yang mana sebelum ini diadakan secara berasingan iaitu gabungan rancangan Brunei Music Video (BruMV), Anugerah Express E-Hits dan Anugerah Pelangi.

Sebanyak 21 kategori anugerah dipertandingkan dan lima buah lagu telah dijurikan secara langsung pada Festival Media Kreatif.

Faizul Razali dengan lagu bertajuk 'Suluh' dinobatkan sebagai juara bagi Anugerah Express E-Hits dengan membawa pulang wang tunai berjumlah BND4,000 berserta hadiah dan trofi selain turut menerima anugerah bagi Persembahan Terbaik E-Hits dan Penulis Lirik Terbaik E-Hits yang turut membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak BND500 bagi setiap kategori berserta hadiah dan juga trofi.

Manakala D3VO dengan lagu berjudul 'Dentuman Hati' pula dinobatkan sebagai naib juara Anugerah Express E-Hits dengan membawa pulang wang tunai sejumlah BND3,000 berserta hadiah dan trofi di samping turut menjuarai Kategori Vokal Terbaik E-Hits.

Sementara itu, Izzat Ramle dengan lagunya 'Nya Urang Lagi Daulu' pula di tempat ketiga dengan membawa pulang wang tunai sejumlah BND2,000 berserta hadiah dan trofi.

Bagi BruMV, Anugerah Muzik Video Terbaik dijuarai oleh lagu berjudul 'Pemilik' hasil terbitan Matters of Choice, arahan Fauzan Aziz. Juara membawa pulang wang tunai BND5,000 dan trofi. 'Pemilik' turut memenangi Anugerah Konsep Idea dan Storyline, Anugerah Pengarahan dan Anugerah Teknikal Penggambaran Video Terbaik yang turut membawa pulang wang tunai sejumlah BND750 berserta trofi.

Sementara itu, naib juara disandang oleh lagu berjudul 'Imtihan'. Komposer Adlina Tunggal dan Azmi Tunggal diarahkan oleh Kay Tunggal dan terbitan AZZAWJ Media. Naib juara menerima wang tunai sejumlah BND4,500 berserta trofi. Lagu tersebut turut menjuarai Anugerah Kreativiti / Overall Performance yang turut membawa pulang wang tunai sejumlah BND750 berserta trofi.

Tempat ketiga pula dirangkul oleh lagu bertajuk 'Tamat'. Komposer Ezuone dan hasil Produksi Nazmi Zikry. Tempat ketiga membawa pulang wang tunai sebanyak BND4,000 beserta trofi.

Bagi Anugerah Pelangi setiap pemenang menerima wang tunai sebanyak BND2,000 bagi setiap kategori berserta trofi. Anugerah Artis Terbaik dijuarai oleh BDRM Muse; Lagu Inspirasi Terbaik dimenangi oleh lagu berjudul 'Sang Pendengki' oleh The Pujanggas Ft. Jaz; Muzik Video Terbaik hasil nyanyian Faizul Razali dengan lagunya 'Suluh'; Vokal Duo/Kumpulan Terbaik dimenangi oleh The Pujanggas Ft. Jaz; Ezah Hashim dan Fakhrul Razi masing-masing menjuarai Vokal Wanita Terbaik dan Vokal Lelaki Terbaik; Lagu berjudul 'Stay' hasil nyanyian Browne Ft. Sa'adah memenangi Kategori Lagu Inggeris Terbaik dan Ezah Hashim dengan lagunya berjudul 'Calar' memenangi Kategori Lagu Terbaik.

Hadir menyaksikan festival ini ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali.

Turut hadir, Pemangku Pengarah RTB, Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Muhammad Kifli; pegawai-pegawai kanan kerajaan serta orang ramai.

Antara objektif festival ini diadakan antara lain adalah bagi memastikan festival tersebut berfungsi sebagai platform berpengaruh dalam mengembangkan seni industri kreatif di Negara Brunei Darussalam. Selain itu, rancangan ini juga bertujuan bagi memacu pertumbuhan industri kreatif dengan menyediakan platform bagi penggiat seni, penyiar, pemuzik, penerbit tempatan untuk mempamerkan bakat mereka kepada penonton yang lebih luas serta memperkukuh Negara Brunei Darussalam di peta industri hiburan serantau dan antarabangsa.

# 29 ANGGOTA ABDB SELAMAT TIBA KE TANAH AIR



**PEMANGKU Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Brigedier Jeneral (Udara) Dato Seri Pahlawan Mohammad Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim semasa menyambut ketibaan para anggota ABDB.**

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**>> Muka 1**

Ketibaan mereka disambut oleh tetamu kehormat, Pemangku Pemerintah ABDB, Brigedier Jeneral (Udara) Dato Seri Pahlawan Mohammad Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim.

Juga hadir, Bakal Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke NBD, Tuan Yang Terutama Datuk Mohd. Aini Atan; serta Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif ABDB, wakil dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Pengarah-pengarah, Komandan-komandan, Penasihat Pertahanan Malaysia ke NBD, Pegawai-pegawai Kementerian Pertahanan dan ahli keluarga anggota-anggota ABDB yang menyertai misi tersebut.

Sejak tahun 2008, ABDB telah menyumbang kepada misi pengaman UNIFIL, menunjukkan komitmen yang berterusan terhadap keamanan dan kestabilan antarabangsa di bawah Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1701 (2006).

Misi luar negara berkenaan juga selaras dengan aspirasi yang telah digariskan dalam Kertas Putih Pertahanan Negara Brunei Darussalam 2021.

Penglibatan ABDB dalam misi pengaman ini bukan sahaja meningkatkan reputasi ABDB dan anggota-anggota yang terlibat, malah juga memperkukuhkan peranan negara dalam diplomasi pertahanan di peringkat antarabangsa.



**KETIBAAN para anggota disambut oleh ahli keluarga masing-masing (atas, bawah dan bawah kiri).**





# 3 PELAJAR, 2 PEGAWAI PENDIDIKAN BERLEPAS KE SEOUL, REPUBLIK KOREA





**TIGA pelajar dan dua pegawai yang akan menyertai 14th ASEAN+3 Student Camp for the Gifted in Science dan 16th ASEAN+3 Teacher Workshop for the Gifted in Science di Seoul National University of Education, Seoul, Republik Korea (atas dan atas kanan).**

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Suzani Adina Haji Marzoki**

**BERAKAS**, Sabtu, 14 Disember. - Kementerian Pendidikan melalui Pusat Perkembangan Pendidikan Cerdas Pintar dan Berbakat (CentrE for the Development of Gifted and Talented Education, EDGE) telah menyelaras penyertaan bagi tiga orang pelajar dan dua orang pegawai untuk menyertai 14th ASEAN+3 Student Camp for the Gifted in Science dan 16th ASEAN+3 Teacher Workshop for the Gifted in Science yang dianjurkan oleh ASEAN+3 Center for the Gifted in Science (ACGS), dengan sokongan dari The Korean Ministry of Science and ICT dan Korean Foundation for Science and Creativity (KOSAC).

Program ini akan diadakan bermula dari 15 hingga 21 Disember 2024 di Seoul National University of Education, Seoul, Republik Korea.

Tiga pelajar yang mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah terdiri daripada pelajar Tahun 10 dari International School Brunei (ISB) iaitu Awang Muhd. Iqbaluddin bin Muhd. Sihamuddin, Dayang Nur Insyirah binti Johari dan Dayang Nur Syahindah binti Sopian. Manakala, guru dari Sekolah Menengah Sayyidina Hasan, Dayang Adlina Rahayu binti Haji Zaini selaku peserta dan mentor kepada para pelajar berkenaan.

Turut menyertai delegasi tersebut ialah Dayang Rozi-Suzanah binti Yatab dari EDGE selaku Pegawai Penghubung.

Program yang bertemakan 'From Prediction to Protection: The Role of Science in Responding to Natural Disasters' merupakan program tahunan yang bertujuan untuk mengumpulkan para pelajar cerdas pintar serta berbakat dan para guru dalam bidang Sains dan Teknologi, bagi memberikan peluang untuk berkerjasama dan mempamerkan kemahiran dalam persekitaran yang mencabar.

Para pelajar akan berpeluang untuk menyertai sesi dan aktiviti seperti Majlis Pembukaan, mendengarkan ucaptama semasa Majlis Pembukaan dan menghadiri kuliah berkenaan dengan tema program.

Di samping itu, para pelajar juga akan terlibat di dalam Pembentangan Berkumpulan secara silang negara di mana sebelum bermulanya program, para pelajar telah diberikan tugasan pra-program untuk dilaksanakan oleh para pelajar sendiri.

Manakala, 16th ASEAN+3 Teacher Workshop for the Gifted in Science ini diadakan adalah untuk memperkaya dan meningkatkan kompetensi pedagogi guru melalui bengkel yang merangkumi seminar mengenai isu pendidikan global dan bengkel amali mengenai Kit Inkuiri Sains (Science Inquiry Kit) serta sesi lawatan yang akan diadakan ke Seoul Science High School.

Dayang Rozi-Suzanah dan Dayang Adlina Rahayu akan berpeluang untuk menyampaikan pembentangan semasa sesi perkongsian mengenai pendidikan berbakat di NBD.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Ketua Pusat EDGE, Kementerian Pendidikan, Dr. Mona Aliana binti Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai dari Pusat EDGE, Kementerian Pendidikan dan para ibu bapa serta ahli keluarga pelajar.

# UBD memperoleh pengiktirafan global untuk Interdisciplinary Science

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 14 Disember. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) adalah antara 1,023 universiti yang mengambil bahagian dari 92 buah negara atau wilayah yang diiktiraf dalam inaugural Times Higher Education (THE) Interdisciplinary Science Ranking, yang dijalankan dengan kerjasama Schmidt Science, baru-baru ini.

Usaha perintis berkenaan mengukur sumbangan dan komitmen universiti terhadap Interdisciplinary Science dengan menilai tiga bidang utama, input (pembiayaan), proses (sokongan pentadbiran, kemudahan dan promosi penyelidikan), dan output (kualiti dan reputasi penerbitan).

Kaedah berkenaan merangkumi analisis terperinci tentang penerbitan penyelidikan institusi dan petikan, di samping dengan maklum balas tinjauan daripada lebih 20,000 ahli akademik di seluruh dunia.

UBD mencapai kedudukan yang cemerlang di tempat ke-142 dalam *ranking global*, antara 749 universiti yang disenaraikan. Di Asia Tenggara, UBD memperoleh tempat ke-19 daripada 77 universiti yang mengambil bahagian mengikut tonggak input untuk bidang antara disiplin, khususnya Sains Komputer, Kejuruteraan, Sains Hayat dan Sains Fizikal termasuk sumbangan daripada kerjasama industri.

UBD juga menduduki tempat ke-18 dalam kalangan universiti Asia Tenggara kerana menghasilkan penerbitan penyelidikan berkualiti tinggi yang menonjolkan kerjasama antara disiplin.

Prestasi UBD diukur dalam tiang output berdasarkan kepada Field-Weighted Citation Impact dan hasil daripada tinjauan reputasi penyelidikan antara disiplin. Tinjauan global berkenaan dijalankan pada 2024 dan meminta penyelidik aktif menamakan lima institusi yang terbaik di peringkat global dari segi Penyelidikan Interdisciplinary Science.

Pencapaian cemerlang UBD adalah menduduki tempat ke-7 dalam kalangan universiti Asia Tenggara untuk proses yang mempromosi kerjasama antara disiplin. Untuk tonggak 'Proses' berkenaan, universiti dinilai berdasarkan penyediaan kemudahan dan sokongan pentadbiran yang menyokong kerjasama yang lancar merentas pelbagai disiplin saintifik dan fakulti yang berbeza.

Selain prestasinya dalam sains teras, UBD juga telah mencapai kemajuan yang signifikan dalam merapatkan penyelidikan di antara Sains Sosial dan Sains Kesihatan, dengan tumpuan kepada pendidikan, dasar, kesihatan awam dan teknologi berasaskan disiplin.

Tambahan pula, UBD terus menggalakkan penglibatan antara disiplin dengan Seni dan Kemanusiaan, menggariskan pendekatan holistiknya untuk memajukan penyelidikan dan memupuk penyelesaian inovatif kepada cabaran global.

Pengiktirafan berkenaan mengukuhkan komitmen UBD terhadap kecemerlangan antara disiplin dan menonjolkan peranan pentingnya dalam memajukan sains, penyelidikan dan inovasi di Negara Brunei Darussalam dan luar negara.



**UNIVERSITI Brunei Darussalam (UBD) telah diiktiraf dalam inaugural Times Higher Education (THE) Interdisciplinary Science Ranking, yang dijalankan dengan kerjasama Schmidt Science.**




# PROGRAM BELIA MESRA MASJID KONGSI ILMU MENGENAI HALAL



SEKITAR Program Belia Mesra Masjid anjuran Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT) dan badan pelajar Halalan Thayyiban Student Society (HTSS).

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

**GADONG**, Sabtu, 14 Disember. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT) dan badan pelajar Halalan Thayyiban Student Society (HTSS), telah menganjurkan Program Belia Mesra Masjid yang berlangsung pada hari Jumaat, 25 Oktober 2024, hari Khamis, 7 November 2024 serta hari Jumaat, 6 Disember 2024.

Program tersebut diadakan di tiga buah masjid di Daerah Tutong iaitu Masjid Kampung Sinaut, Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Kampung Kiudang dan Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.

Antara objektif program adalah untuk membangun kepribadian badan pelajar agar cenderung untuk mengadakan program yang melibatkan dan dapat merapatkan hubungan di antara golongan jemaah masjid dan orang awam.

Malahan, golongan belia haruslah dididik untuk berjinak-jinak dengan masjid dan menggunakan mana - mana platform media sosial untuk menyampaikan maklumat Islamik.

Program ini juga dapat memberikan peluang bagi PPHT untuk memainkan peranannya sebagai salah satu pusat di Institusi Pengajian Tinggi Brunei dalam menyebarluaskan pengetahuan halal terhadap masyarakat setempat.

Program diisi dengan bacaan Surah Yaa Siin dan solat berjemaah bersama jemaah masjid dan penduduk kampung. Di samping itu, sesi perkongsian ilmu berkaitan halal telah disampaikan oleh Profesor Madya Dr. Moohamad Ropaning Sulong dari tenaga akademik PPHT.

Antara tajuk-tajuk yang disampaikan semasa sesi perkongsian ilmu adalah 'Maqasid Syariah Dalam Praktik Halal: Menuju Kehidupan Seimbang dan Berkat', 'Halal Membawa Berkat' dan 'Kepentingan Memahami Konsep Halal Dalam Kehidupan Seharian'.

Pengetahuan asas penting berkenaan halal sangat penting kerana ia bukan saja mengenai makanan dan minuman, akan tetapi menyeluruh ke segala aspek kehidupan termasuk gaya hidup sebagai orang Islam.

Bahkan, konsep halal dan haram menjadi topik yang selalu menarik untuk disampaikan, baik bagi kalangan cendekiawan mahupun orang-orang awam. Program ini juga dapat memperkukuhkan lagi hubungan universiti dengan masyarakat ramai, demi memperoleh keredaan dan keberkatan daripada-Nya.

# Meningkatkan kesejahteraan komuniti yang memerlukan

**Siaran Akhbar dan Foto : Malam Minggu Pusat Belia**






SUASANA Projek kemanusiaan Day of Action Malam Minggu Pusat Belia 2024 di Pulau Mabul, Sabah (atas dan kiri).

**SABAH,** Sabtu, 14 Disember. – Projek kemanusiaan Day of Action Malam Minggu Pusat Belia (MMPB) 2024, dengan tema 'Setitis Harapan, Sejuta Senyuman' berjaya dilaksanakan dengan penuh makna kepada komuniti Bajau Darat dan Bajau Laut di Pulau Mabul, Sabah.

Program ini dianjurkan bersempena Hari Bertindak di bawah naungan Kementerian Kebudayaan, Belia, dan Sukan (KKBS) Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama erat Scuba Buddy, Mabul, mencerminkan nilai-nilai kemanusiaan dan solidariti serantau.

Program ini disertai oleh lima sukarelawan dari MMPB, termasuk seorang wakil dari Mike & Mesh Barber yang menjalankan pelbagai aktiviti untuk memperkaya pendidikan, menghargai budaya dan meningkatkan kesejahteraan komuniti yang memerlukan.

Antara aktiviti yang diadakan adalah aktiviti kerohanian seperti tazkirah dan bacaan Al-Quran diadakan di Surau Pulau Pelancongan Nur Rezky. Ia memupuk semangat kebersamaan antara MMPB dan komuniti setempat serta mengukuhkan nilai-nilai agama.

Sementara itu, kanak-kanak Pulau Mabul memperkenalkan permainan tradisional seperti Lompat Kaki Empat, Konda-kondi dan Laga Guli kepada para sukarelawan. Aktiviti ini tidak hanya memperkayakan pemahaman budaya tetapi juga membawa kegembiraan dan kerjasama.

Para sukarelawan juga menyediakan perkhidmatan gunting rambut oleh wakil Mike & Mesh Baber iaitu Mohd. Syukri bin Haji Mohd. Kamel.

Masyarakat Bajau melihat rambut sebagai elemen penting dalam identiti budaya dan hubungan spiritual mereka. Bagi sesetengah pihak, memotong rambut dianggap seperti memutuskan hubungan dengan nenek moyang atau tradisi mereka, menjadikannya amalan yang sensitif. Sikap ragu-ragu mereka juga berpunca daripada rasa hormat mendalam terhadap adat di mana tindakan seperti memotong rambut mempunyai makna simbolik tertentu.

Dalam Day of Action MMPB 2024, sensitiviti ini ditangani dengan menghormati keraguan mereka, memberikan penjelasan tentang tujuan perkhidmatan tersebut dan hanya meneruskan apabila mereka berasa selesa. Pendekatan ini memperkukuhkan rasa hormat dan kepercayaan bersama, selaras dengan matlamat inisiatif untuk memahami budaya dan membina kerjasama yang bermakna.

MMPB juga telah mengedarkan buku mewarna hasil daripada Gurreilla Architect, buku nota dan bahan Pendidikan dan juga makanan-makanan ringan kepada lebih daripada 200 kanak-kanak Bajau Laut dan Darat, ia memberikan kegembiraan serta nilai pembelajaran dan keriangan.

Selain itu, MMPB berkesempatan melawat ke Perkampungan Pohonan, komuniti Bajau Sulu yang mana mereka memberikan pengelaman yang berguna mengenai penternakan rumpai laut yang menjadi sumber rezeki utama komuniti Sulu.

Program ini turut memberi tumpuan kepada pendidikan kebersihan kendiri kepada kanak-kanak Bajau Laut (Palauh), melalui aktiviti demonstrasi basuh tangan dengan mengajar tatacara membasuh tangan dengan betul menggunakan sabun untuk mengurangkan penyebaran kuman.

Selain itu, menunjukkan cara memberus gigi dengan betul dan mengedarkan kit memberus gigi (berus gigi dan ubat gigi) dan menggalakkan amalan kebersihan diri yang baik melalui pendekatan interaktif dan menyeronokkan, menjadikan kebersihan mudah diterima dan dipraktikkan.

MMPB juga memperkenalkan asas pertolongan cemas kepada kanak-kanak Bajau Darat termasuk tatacara membersihkan dan membalut luka untuk mencegah jangkitan. Demonstrasi mudah untuk membina keyakinan dan memahami dengan dekat dalam menghadapi kecederaan kecil.

Mengulas kepentingan projek ini,Pengarah Projek, Dayang Hajah Noor Monasalieana @ Suzie binti Haji Mohd Salleh berkata, "Inisiatif ini memperlihatkan dedikasi Brunei kepada perpaduan dan kemanusiaan di peringkat antarabangsa. Walaupun komuniti Bajau tidak bernegara, harapan dan aspirasi mereka tetap sejagat. Projek ini bukan sekadar memberi bantuan material tetapi juga membina hubungan bermakna yang mencerminkan nilai-nilai luhur Brunei".

# MEMPERKASA KEFAHAMAN MIB BAGI PELAJAR NBD DI MALAYSIA



SESI bergambar ramai pada Program Generasi Ber-MIB khusus bagi pelajar-pelajar Negara Brunei Darussalam yang sedang melanjutkan pengajian di Malaysia.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

**PUTRAJAYA, MALAYSIA**, Sabtu, 14 Disember. - Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB), Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam (NBD) telah mengadakan Program Generasi Ber-MIB khusus bagi pelajar - pelajar NBD yang sedang melanjutkan pengajian di Malaysia.

Program yang berlangsung di Putrajaya ini diadakan sebanyak dua sesi iaitu pada 14 dan 15 Disember 2024 yang dihadiri oleh para pelajar Biasiswa Kerajaan Ke Luar Negeri dan Pelajar Persendirian yang melanjutkan pengajian di Malaysia.

Adapun tujuan diadakan adalah untuk memperkukuh jati diri kebruneian dalam kalangan pelajar sambil memperdalam pemahaman mereka terhadap falsafah Melayu Islam Beraja (MIB). Di samping itu, program ini juga berfungsi sebagai mekanisme pertahanan atau *firewall* yang bertindak melindungi pelajar daripada pengaruh budaya asing serta elemen-elemen yang bertentangan dengan nilai-nilai teras MIB.

Program ini mengandungi tiga sesi taklimat, yang merangkumi MIB Jati Diri Kitani, Tanggungjawab Duta Kecil (Pelajar) NBD dalam mempertahankan imej MIB di luar negara dan taklimat daripada pihak Biro Kawalan Narkotik (BKN), NBD.

Program ini turut mengadakan aktiviti dalam bentuk bengkel, bagi mengukuhkan pengetahuan para pelajar mengenai MIB, jati diri dan pengaplikasiannya dalam kehidupan seharian.

Selain itu, bengkel ini juga bertujuan untuk meningkatkan kemahiran komunikasi melalui perbincangan secara berkumpulan, mengasah kemahiran dalam berfikiran secara kritis dan penyelesaian masalah.




# Hari Keluarga BIBD perkukuhkan persahabatan, semangat berpasukan






SEKITAR Hari Keluarga anjuran Bank Islam Brunei Darussalam yang berlangsung di Jerudong Park Colonnade (atas, kanan dan bawah kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 15 Disember. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) baru-baru ini mengadakan Hari Keluarga di Jerudong Park Colonnade dengan menghimpunkan para kakitangan dan keluarga mereka untuk mengeratkan ikatan persahabatan dan mengukuhkan semangat berpasukan.

Acara yang dianjurkan oleh Bahagian Sumber Manusia dan Modal Insan (HRCD) BIBD itu bertujuan untuk menggalakkan keseimbangan antara kerja dan kehidupan yang positif serta mengukuhkan komitmen bank terhadap kesejahteraan pekerja, sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan 3 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam memastikan kehidupan yang sihat dan menggalakkan kesejahteraan untuk semua pada semua peringkat umur.

Dengan mengutamakan kesejahteraan pekerja dan menggalakkan gaya hidup sihat, BIBD memberi impak positif kepada kesihatan dan kebahagiaan pekerjanya dan menyumbang kepada matlamat yang lebih luas untuk mencapai kesihatan dan kesejahteraan yang baik untuk semua.

Dalam majlis itu, BIBD turut melancarkan kempen yang digelar 'Sehati' untuk kakitangannya, bertujuan memupuk persekitaran kerja yang positif dan sihat.

Hadir pada Hari Keluarga bagi merasmikan pelancaran 'Sehati' ialah Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri.

'Sehati' yang menjadi tema Hari Keluarga tahun ini adalah untuk menyokong satu sama lain,



memupuk persekitaran yang positif dan memastikan kesihatan fizikal dan mental kakitangan BIBD kekal kukuh.

Pada tahun-tahun akan datang, sebagai sebahagian daripada kempen 'Sehati', BIBD melalui Bahagian Sumber Manusia akan terus menganjurkan aktiviti seperti ceramah kesejahteraan, larian, dan aktiviti kesihatan lain untuk memastikan pekerja sentiasa terlibat dan bertenaga.

BIBD percaya bahawa menyokong pekerja dengan cara ini adalah penting untuk kejayaan organisasi kerana pasukan yang sihat dan gembira adalah pasukan yang produktif dan berjaya.

Acara Hari Keluarga, dimulakan dengan walkaton yang merupakan sebahagian daripada siri aktiviti yang dibarisi di bawah kempen 'Sehati'. Pekerja kemudiannya disediakan dengan pelbagai aktiviti termasuk permainan yang menyeronokkan dan penyampaian hadiah.

Acara Hari Keluarga itu dianjurkan oleh HRCD bank bagi mengeratkan hubungan antara kakitangan bank serta mengukuhkan ikatan kekeluargaan.

Dengan mengutamakan kesejahteraan pekerja, BIBD bukan sahaja meningkatkan tenaga kerja dan produktivitinya tetapi juga menyumbang kepada aspirasi Wawasan Brunei 2035 untuk membangunkan penduduk berkemahiran tinggi dan sihat.

# 4 SYARIKAT, 1 INDIVIDU DIKENAKAN DENDA KOMPAUN






**ANTARA kesalahan yang didapati oleh Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara (atas dan kanan).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Brunei dan Muara**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 14 Disember. - Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara telah mengeluarkan kompaun ke atas empat buah syarikat kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Kesalahan - kesalahan Rampaian (Penggal 30) manakala seorang individu telah dikenakan kompaun kerana melakukan kesalahan di bawah Bab 12 (1) (a) Akta Kesalahan - kesalahan Rampaian (Pindaan 2021).

Syarikat-syarikat tersebut ialah Syarikat Kamal Khan Sdn. Bhd., Syarikat Jaya Norabilah, Syarikat Hajjah Asbah Enterprise dan Syarikat Yunazaf Carwash yang mana masing-masing dikenakan kompaun sebanyak BND2,000.

Kesemua syarikat tersebut diberi tempoh tujuh hari untuk melunaskan denda berkenaan, jika gagal, kes akan dibawa ke mahkamah di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggal 30) iaitu jika sabit kesalahan boleh membawa hukuman tidak melebihi BND30,000 atau penjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Sementara Pengiran Muhammad Nazruddin bin Pengiran Aliuddin dikenakan kompaun sebanyak BND100 dan diberi tempoh tujuh hari untuk melunaskan denda berkenaan, jika gagal, kes akan dibawa ke mahkamah di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Pindaan 2021) iaitu jika sabit kesalahan boleh membawa hukuman tidak melebihi BND9,000 atau penjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Pihak jabatan juga memohon kerjasama orang ramai untuk menyalurkan sebarang maklumat mengenai pembuangan sampah yang menyalahi undang-undang dengan menyertakan alamat lokasi berserta gambar-gambar melalui pesanan whatsApp +673 8321581.

# Pusat Sejarah Brunei terbit 6 buku baharu



**Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Sejarah Brunei**

**ENAM buku baharu terbitan Pusat Sejarah Brunei boleh didapati di kedai buku PSB, di Bandar Seri Begawan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 14 Disember. - Dalam usaha memperkaya dan mempelbagai bahan bacaan mengenai persejarahan Negara Brunei Darussalam (NBD), Pusat Sejarah Brunei (PSB) menerbitkan enam buah tajuk terbitan terbaharu iaitu buku Perlembagaan Negeri Brunei 1959: Dalam Ristaan; buku Syair Kisah Negeri Brunei; buku Datuk Rumbai; Buku Mewarna Sejarah 1; Jurnal Darussalam Bilangan 23; dan majalah Pusaka Bilangan 55.

Buku mewah (*coffee table*) pertama terbitan jabatan ini iaitu Perlembagaan Negeri Brunei 1959: Dalam Ristaan memperlihatkan peristiwa dan perjalanan yang ditempuh Sultan Brunei Ke-28, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien (1950 – 1967) dalam memperjuangkan berperlembagaan dan 'Berkerajaan Sendiri' NBD hingga mencapai kemerdekaan pada 1 Januari 1984. Semangat dan kegigihan baginda tersebut dipaparkan melalui konteks foto-foto bersejarah yang terdapat dalam buku ini.

Peristiwa - peristiwa bersejarah yang berlaku semasa pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien juga dirungkai dalam sebuah karya sastera tradisional bernuansa moden, Syair Kisah Negeri Brunei. Buku ini merupakan hasil transliterasi daripada tulisan jawi kepada tulisan rumi. Peristiwa atau perkara penting yang diceritakan dalam syair ini antaranya mengenai akta skim pemberian elaun pencen umur tua dan kurang upaya; perayaan Sambutan Hari Keputeraan Baginda; Istiadat Berkhatan Diraja; dan hari pembukaan Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien.

Seterusnya, Datuk Rumbai pula merupakan sebuah cerita rakyat dalam bentuk buku cerita bergambar sejarah Brunei yang sesuai dibaca oleh golongan muda dan kanak-kanak. Buku ini mengisahkan seorang penduduk Kampung Tanah Jambu bernama Datuk Rumbai yang mempunyai sikap rendah hati dan sentiasa menolong penduduk kampung dalam menyelesaikan masalah. Semasa Majlis Makan Tahun, satu kejadian telah berlaku ketika memasak salah satu hidangan. Dengan pertolongan Datuk Rumbai, penduduk kampung bersyukur dan gembira dapat menikmati hidangan yang sudah dimasak. Keperibadian Datuk Rumbai ini menjadi ristaan lisan turun-temurun oleh penduduk kampung tersebut sehingga ke hari ini.

Sementara itu, buku mewarna pertama terbitan jabatan ini, Buku Mewarna Sejarah 1 memuatkan 10 ilustrasi mengenai sejarah penemuan dan kewujudan awal Kesultanan Brunei yang diasaskan oleh Awang Alak Betatar atau Sultan Muhammad Shah (Sultan Brunei yang pertama). Antara ilustrasi yang dimuatkan dalam buku ini ialah suasana pelabuhan, suasana perdagangan dan hasil tempatan. Mewarna sambil membaca mengenai persejarahan negara adalah salah satu medium dalam membarigakan ilmu pengetahuan kepada orang ramai khususnya generasi masa kini.

Kemudian, Jurnal Darussalam Bilangan 23 memuatkan tujuh artikel antaranya ialah 'Transformasi Pendidikan Brunei Darussalam 1914–2020: Penelitian Sepintas Lalu'; 'Analisis Moral Sejarah dalam Syair-Syair Muda Omar 'Ali Saifuddien'; dan 'Sistem Pentadbiran British North Borneo Chartered Company (BNBCC) dengan Kesultanan Brunei: Satu Pembandingan Ringkas'. Majalah Pusaka Bilangan 55 memuatkan penulisan sejarah bersumberkan bahan kajian dan hasil penyelidikan dan dokumentasi yang diungkayahkan oleh pegawai dan kakitangan PSB antaranya 'Kepercayaan Rakyat dalam Kalangan Puak Jati Brunei: Satu Kajian Ringkas'; 'Allahyarham Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman: Menteri Perhubungan Negara Brunei Darussalam Tahun 1989 hingga 2005'; dan 'Masjid Kampung Sinaut'.

Bagi mendapatkan buku, jurnal dan majalah terbitan terbaharu PSB ini, orang ramai adalah dialu-alukan untuk berkunjung ke kedai buku PSB, di Bandar Seri Begawan semasa waktu bekerja.



# PENDUDUK KAMPUNG SETIA 'A' GOTONG-ROYONG BAIK PULIH TITIAN



Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi



KERJA-kerja membaik pulih titian (jambatan) yang diadakan di Kampung Setia 'A' (atas dan kiri).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 15 Disember.- Amalan gotong-royong dan tidak *camah* mata demi kebajikan bersama sewajarnya diterapkan kepada masyarakat tidak kira golongan muda mahupun yang berusia.

Justeru, para penduduk Kampung Setia 'A' mengendalikan kerja-kerja membaik pulih titian (jambatan) berikutan keadaannya yang begitu usang dan memerlukan pembaikan segera demi kegunaan harian para penduduk kampung.

Penghulu Mukim Zon 2 Kampong Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid semasa ditemui berkata bahawa inisiatif tersebut adalah hasil sebulat suara dan kesepakatan bersama penduduk Kampung Setia 'A' demi mengelak terjadinya perkara yang tidak diingini berlaku.

Kita sedia maklum, jelas Awang Raimi bin Awang Rashid, titian (jambatan) tersebut merupakan penghubung yang digunakan setiap masa dan salah satu kemudahan bagi kaum keluarga berziarah sesama mereka terutama sekali bagi menghadiri acara perkumpulan dan sebagainya.

Adanya aktiviti seumpama ini setentunya memupuk sifat pemedulian dan melatih anak muda untuk tidak *camah* mata demi kepentingan dan sekali gus menjaga keselamatan bersama.

Hadir sama, Pemangku Ketua Kampung Zon 3 Kampong Ayer serta para penduduk Kampung Zon 3 Kampong Ayer.

# Al-Quran, zikir penyembuh penyakit hati, emosi



MEMAHAMI isi kandungan Al-Quran dan seterusnya mengamalkannya dalam kehidupan kita seharian agar terhindar dari penyakit hati.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Jabatan Penerangan

**TUTONG**, Ahad, 15 Disember. - Sebagai umat Islam, kita hendaklah berusaha untuk membersihkan dan menjaga hati, kerana jika hati itu kotor, maka akan binasa segala amalan yang dilakukan.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Maksudnya : "*Dari An-Nu'man bin Bashir berkata : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Sesungguhnya di dalam diri manusia itu ada seketul daging. Apabila daging itu baik, maka baiklah seluruh anggota. Dan apabila daging itu rosak, rosaklah seluruh anggota, ketahuilah itulah hati.*"

Adapun antara punca utama yang boleh mematikan hati adalah, kegagalan menjaga dan mengawal lidah yang akan mengakibatkan berlakunya sifat-sifat keji seperti mengumpat, mencaci, mengadu domba dam memfitnah.

Justeru itu, kita berusaha menjauhi perkara-perkara yang boleh mematikan hati kita.

Salah satu cara yang paling mudah untuk mengatasi penyakit hati ini adalah dengan memperbanyakkan membaca Al-Quran dan bacaan zikir serta mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan berdoa kepada-Nya supaya dilindungi daripada penyakit berkenaan.

Berdoa agar hati kita dihindari dari hasutan syaitan kerana sesungguhnya penyakit hati itu datangnya daripada hasutan syaitan laknatullah.

Di samping itu, penyakit hati ini juga boleh diubati dengan memahami isi kandungan Al-Quran dan seterusnya mengamalkannya dalam kehidupan kita seharian. Ini kerana Al-Quran merupakan 'Kalamullah'.

Oleh itu, kesejahteraan fizikal setentunya berkait rapat dengan kesejahteraan hati, maka jagalah hati dengan memperbanyakkan pembacaan Al-Quran dan zikir kepada-Nya.



## سرواڠ سوچي

# مڠوتاماكن كباجيقن دان كسجهترأن كَولوڠن اورڠ كلاينن اوڤاي

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دڠن منيڠكتكن كإيمانن كڤدڽ. سسڠڰوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ ايت اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠايڠي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ، براوله كحيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوك دأخيرة.

جماعه يڠ درحمتي الله،

الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ تله منجيڤتاكن مأنسي سباڬاي ساتو مشاركت يڠ ترديري درڤد ڤلباڬاي جنيس بڠسا، قوم دان ورنا كوليت. سموا جيڤتأن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ اين ممڤوڽاي حكمه دان توجوان. مأنسي دأوجي دڠن أوجين هيدوڤ سام اد صيحت سجهترا، ساكيت اتاو چاچت. اد سبهاڬين مأنسي دأوجي دڠن ككورڠن ڤد ڤندڠرن، ڤڠليهتن، أڠڬوتا بادن دان سباڬاين. ڬولوڠن اين تيدق بوليه دلوڤاكن ددالم مشاركت. برفرمان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دالم سورة الحجرات أية ١٣:

**واهاي مأنسي! سسوڠڬوهڽ كامي تله منجيڤتاكن كامو درڤد لاكي-لاكي دان ڤرمڤوان، دان كامي تله منجاديكن كامو برباڬاي-باڬاي بڠسا دان ڤواق سوڤاي كامو بركنل-كنلن. سسوڠڬوهڽ سموليا-مليا كامو دسيسي الله اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى انتارا كامو. سسوڠڬوهڽ الله مها مڠتهوي لاڬي مها تليتي.**

أية اين اداله مروجوق كڤد ڤميناأن دان ڤمبنتوقكن مشاركت يڠ برأخلاق دڠن مپانتوني حق سسام إنسان يڠ انتاراڽ مڠإعترف كوجودان ستياڤ إنديۏيدو، مشاركت تنڤا مڠيرا بڠسا، كلاينن ڤارس روڤا دان تاهڤ كأوڤايأن فيزيكل دان مينتل.

الحمدلله، كيت برشكور كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ كران برنأوڠ دالم سبواه نكارا يڠ سنتياس مڠليڠا دان مپانتوني رعيت دان ڤندودوقڽ تنڤا مڠيرا لاتر بلاكڠ، ترماسوقله جوك ترهادڤ ڬولوڠن اورڠ كلاينن اوڤاي (**O.K.U**). كباجيقن دان كسجهترأن **O.K.U** دنڬارا اين سنتياس دتيتيقبرتكن سمات-مات اونتوق ممبنتوق كسلامتن يڠ مپلوروه دان سقسام اونتوق سموا رعيت دان ڤندودوق دنڬارا اين.

تعريف **O.K.U** اياله سساورڠ يڠ ممڤوڽاي ككاچتن جڠك ڤنجڠ دري سڬي كلاكوان، كومونيكاسي، ڤركمبڠن، فيزيكل، مينتل، إينتليك، دريا يڠ اڤبيل برإينتركسي دڠن ڤلباڬاي هالڠن بوليه مڠهالڠ ڤپرتأن ڤنوهڽ دان بركسنڽ دالم مشاركت.

سباڬاي أوسها اونتوق ممستيكن سوارا ڬولوڠن **O.K.U** منداڤت تمڤت دان ڤرهاتين مشاركت، ڤنوبوهن مجليس كسجهترأن اورڠ كلاينن اوڤاي ڤد تاهون ٢٠١٦ تله برتيندق سلاكو ايندوڠ كڤد ٩ بواه ڤرساتوان **O.K.U** يڠ ترداڤت دنڬارا اين، ترديري دري إينستيتوسي اتاو ڤوست ڤنديديقن دان لاتيهن خاص يڠ ترتومڤو كڤد كاتيڬوري كلاينن اوڤاي يڠ ترتنتو سڤرتي فيزيكل، ڤركمبڠن، ڤڠليهتن دان ڤندڠرن. دسمڤيڠ كسمبيلن بواه ڤرساتوان اين، مجليس كسجهترأن اورڠ كلاينن اوڤاي جوك بكرجاسام دڠن ٤ بواه بادن بوكن كراجأن ددالم ممانتڤكن راڠكايان كرجاسام سرتا مڠوكوهكن سوكوڠن دان دوكوڠن ترهادڤ **O.K.U** دنڬارا اين.

جماعه يڠ درحمتي الله،

أڬام إسلام تيدق ڤرنه مپيسيهكن أومتڽ سام اد يڠ دلاهيركن سمڤورنا اتاوڤون يڠ دلاهيركن دڠن كلاينن اوڤاي. سسوڠڬوهڽ بوقتي أڬام إسلام ايت مپانتوني ڬولوڠن اورڠ كلاينن اوڤاي اداله سباڬايمان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ منڬور تنتڠ ڤربواتن نبي محمد صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يڠ برڤاليڠ درڤد سأورڠ بوتا يايت عبد الله بن أُمِّ مَكْتُومْ يڠ هندق برتاپكن سسواتو كڤد نبي صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دان بلاجر درڤد بڬيندا مڠنأي أڬام إسلام. اكن تتاڤي، بڬيندا ڤد كتيك ايت سيبوق ملايني ڤارا ڤمبسر قريش دڠن توجوان بردعوة كڤد مريك. بڬيندا تيدق داڤت منومڤوكن ڤرهاتين بڬيندا كڤد عبدالله ماله بڬيندا مماليڠكن موك كران خواتر جك ملاياني عبدالله، ملك ڤرچاكاڤن دڠن ڤارا ڤمبسر قريش ايت اكن ترڤوتوس سدڠكن بڬيندا ساڠت-ساڠت برهارڤ سوڤاي مريك مملوق أڬام إسلام. الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ منڬور ڤربواتن بڬيندا ايت دڠن منورونكن فرمانڽ دالم سورة عَبَسَ أية ١-٤:

**دي (نبي محمد) تله برماسم موك دان برڤاليڠ. كران تله دداتڠي اوليه سأورڠ بوتا. دان تاهوكه أڠكاو (واهاي نبي محمد بهاوا توجوانڽ) بوليه جادي دي ماهو ممبرسيهكن هاتيڽ (درڤد دوسا). اتاو دي ماهو مڠمبيل ڤڠاجرن سوڤاي ڤڠاجرن ايت ممبري منفعة كڤدڽ.**

جماعه يڠ درحمتي الله،

ڬولوڠن اورڠ كلاينن اوڤاي اداله سباهاڬين درڤد مشاركت كيت. سباڬيمان مريك مروڤاكن أوجين دان رحمة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ كڤد كدوا إيبو باڤ، ڤنجاڬ دان كلوارڬ مريك، ملك مريك جوك اداله أوجين دان رحمة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ كڤد كيت. اين كران دڠن اداڽ اورڠ يڠ بوتا، كيت مڠهرڬاٴي نعمت مليهت. دڠن اداڽ اورڠ يڠ ڤكاق، كيت منشكوري نعمت مندڠر. دڠن اداڽ اورڠ يڠ بيسو، ملك كيت لبيه مڠهرڬاٴي نيلاي نعمت بربيچارا.

كيت سلاكو مشاركت يڠ ڤريهاتين دان ڤڤايڠ هندقله سدر دان إيڠت بهاوا كحاضيرن ڬولوڠن **O.K.U** ددنيا اين هندقله دفهمي، دبنتو دان دبيمبيڠ سوڤاي مريك براس دكاسيهي، دهرڬاٴي دان تيدق براس دسيسيهكن اوليه مشاركت اڬر مريك داڤت منجالني دان منروسكن كهيدوڤن اين دڠن لبيه بايك دان لبيه سجهترا. اڤ ڤون ككوراڠن يڠ دهادڤي اوليه مريك اداله كتنتوان درڤد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ سباڬاي أوجين. جك مريك برصبر، مريك اكن منداڤت ڤهلا. بڬيتو جوك دڠن أهل كلوارڬ دان ڤيهق يڠ منجاڬڽ. جوسترو، كسدرن ستياڤ مشاركت مڠنأي كڤنتيڠن **O.K.U** دان ڤڠليبتن مريك اداله دڤرلوكن. برفرمان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دالم سورة الحشر أية ٩:

**دان مريك جوك لبيه مڠأوتاماكن (مهاجرين ايت) درڤد ديري مريك سنديري والاوڤون مريك دالم كادأن ككورڠن. دان سسياڤ يڠ ديريڽ دڤليهارا درڤد صفة بخيلڽ ملك مريك ايتله اورڠ يڠ منداڤت كمنڠن.**

اوليه يڠ دمكين، جاڠنله كيت مڠابايكن دان ممندڠ رنده ترهادڤ ڬولوڠن **O.K.U**. كيت جوك ممڤوڽاي تڠڬوڠجواب ممبريكن ڤنديديقن يڠ برسسواين اڬر مريك داڤت هيدوڤ برسام مشاركت، مڠنل ڤستي كممڤوان دان كلبيهن مريك يڠ بوليه دكمبڠكن دان دلاتيه سهيڠڬ برجاي دان ممڤو بكرجا دان برديكاري ترماسوق داڤت مپسوايكن ديري سچارا سيكولوجي دان سوشيال.

ماريله كيت سام-سام برأوسها ممڤرتيڠكتكن كواليتي كهيدوڤن مريك اونتوق ممڤركوكوهكن كسجهترأن مريك دسمڤيڠ ممستيكن ڬولوڠن اين اكن تروس مپومبڠ كأره ڤنيڠكتن سوشيال، كماجوان إيكونومي، كمعمورن نڬارا دان كأره منچاڤاي واوسن بروني ٢٠٣٥.

سام-ساملah كيت بردعاء سموڬ كيت سموا دان ڬولوڠن اورڠ-اورڠ كلاينن اوڤاي دنڬارا اين اكن دكورنياكن كعزمن يڠ تيڠڬي، دكورنياكن كصيحتن دان سنتياس منداڤت ڤرليندوڠن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ، آمين يا رَبَّ العالمين.

**واهاي اورڠ-اورڠ يڠ برإيمان! جاڠنله ساتو قوم مڠإيجيك-إيجيق ساتو قوم يڠ لاين، بوليه جادي قوم يڠ دإيجيق ايت لبيه بايك درڤد مريك، دان جاڠنله ڤول (ساتو قوم) ڤرمڤوان مڠإيجيك (ساتو قوم) ڤرمڤوان يڠ لاين، بوليه جادي (قوم) ڤرمڤوان يڠ دإيجيق ايت لبيه بايك درڤد مريك. دان جاڠنله كامو منچاچي سسام كامو دان جاڠنله ڤول كامو ڤڠڬيل-ممڠڬيل دڠن ڬلرن يڠ بوروق. سبوروق-بوروق ڤڠڬيلن اياله ڤڠڬيلن فاسق سسوده سسأورڠ ايت برإيمان. دان سسياڤ يڠ تيدق برتوبة ملك مريك ايتله اورڠ يڠ ظالم.**

{ سورة الحجرات أية : ١١}

ڤليتا بروني PELITA BRUNEI

# دعاء مموهن كڤد الله سڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سݢل جنيس ڤڽاكيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

**Peringatan :**
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## (صلوات تفرجية)

ٱللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ ٱلَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ ٱلْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ ٱلْكُرَبُ، وَتُقْضَىٰ بِهِ ٱلْحَوَآئِجُ، وَتُنَالُ بِهِ ٱلرَّغَائِبُ وَحُسْنُ ٱلْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى ٱلْغَمَامُ بِوَجْهِهِ ٱلْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhuraillah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارُ

ٱللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَآ إِلَٰهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا۠ عَبْدُكَ، وَأَنَا۠ عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا ٱسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَٱغْفِرْ لِي فَإِنَّهُۥ لَا يَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**
*"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".*

**Fadilatnya :**
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذکر بچاءن يڠ ممباوا کبراونتوڠن ساڠت بسر کڤد ڤڠعملڽ ( تولق بلاء )

**(1)**

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

**(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

**(2)**

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ

**(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).**

**Penerangan :**
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

**(3)**

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).**

**Penerangan :**
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

**(4)**

وَأُفَوِّضُ أَمْرِيْ إِلَى اللَّهِ

**(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

**(5)**

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيْثُ

**(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).**

**Penerangan :**
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

## JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Keterangan Projek**:
Supply And Delivery
Upper Control Arm For
Ford Everest
BG 929
Jabatan Bandaran
Kuala Belait and Seria

**Bilangan Tawaran:**
16 / BBS / SDUCAJBKBS
/ 2024 - 2025

**Yuran Tawaran:**
BND5.00
(*Non–Refundable*)

**Tarikh Tutup :**
Selasa,
31 Disember 2024.
Jam 2.00 Petang.

**1. Keterangan Projek**:
Supply And Delivery
Vacuum Truck Parts
BG 5067
For Jabatan Bandaran
Kuala Belait dan Seria

**Bilangan Tawaran:**
07 / BBS / SDVTPJBKBS /
2024 - 2025

**2. Keterangan Projek**:
Supply And Delivery
Safety Equipment And
Gardening Tools
For Jabatan Bandaran
Kuala Belait dan Seria

**Bilangan Tawaran:**
08 / BBS / SDSEGTJBKBS /
2024 - 2025

**Yuran Tawaran:**
BND5.00
(*Non–Refundable*)

**Tarikh Tutup :**
Selasa,
31 Disember 2024.
Jam 2.00 Petang.

## JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Iklan Tarikh Lanjutan**

**Dibukakan Kepada Pembekal-Pembekal Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
IV & V Sahaja

**Kategori :**
KA01 & M03 Sahaja

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
31 Disember 2024.

**Tarikh Tutup Tawaran:**
7 Januari 2025.

**Bil Tawaran:**
JKR / DWS / 038 / 2024

**Tajuk:**
Kontrak Penggal bagi Kerja Pemeliharaan Sistem Chlorine Peralatan dan Personal Protective Equipment di Loji Rawatan Air Daerah Brunei-Muara, Belait, Tutong dan Temburong (2025-2028) (Tawaran Semula)

**Yuran Tawaran:**
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

## JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN TENAGA JABATAN PERDANA MENTERI

**Jemputan Untuk Memberi Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam**

**Bil Tawaran:**
JPE / LTK / KOP / 069 / 2024

**Tajuk :**
Supply And Delivery Of Non-Extensible 2R1T Ring Main Unit (Scada Ready)

**Tarikh Tutup:**
7 Januari 2025.
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

**Yuran Tawaran:**
BND1,000.00
(Tidak dikembalikan)

**Tempat Tutup :**
Tender Box
Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam.

**Kelayakan:**
Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dalam Kelas IV, V atau VI Sahaja, dalam Kategori E02 & E03 dan mempunyai pekerja yang berdaftar dengan JPE dalam kategori E02 & E03

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

## JABATAN PENGANGKUTAN DARAT KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

**Iklan Tarikh Lanjutan**

**Bilangan Tawaran:**
50 / JPD / JKSH / 2024 - 2025

**Tajuk Projek:**
60 Months Term Lease
Of Vehicles For Land
Transport Department

**Yuran Tawaran:**
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Menghantar Tawaran Dilanjutkan Sehingga:**
Selasa,
24 Disember 2024.
Jam 2.00 Petang.

## KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2024 / TU
/ TA / 06
Pembelian Perabot Workstation
Bagi Pejabat-Pejabat Tentera
Udara Diraja Brunei

**Yuran Tawaran:**
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu (1) minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 7 Januari 2025.

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa,
14 Januari 2025.
2.00 Petang.

**Rujukan Tawaran** :
MINDEF / DFA / FY2024 / LB
/ TA / 043
Supply Of Special Tool &
Test Equipment (STTE)

**Yuran Tawaran :**
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu (1) minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 7 Januari 2025.

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa,
14 Januari 2025.
2.00 Petang.

## JABATAN AUDIT JABATAN PERDANA MENTERI

**Bilangan Tawaran** :
AUD / BPK / UE / Q&T /
2025 – 2027 / 01

Penyewaan dan Perkhidmatan Kantin, Bangunan Bahirah, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup :**
Selasa,
7 Januari 2025.
Jam 2.30 Petang.

## KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**Bil. Sebut Harga:**
KHEU / BPPSM / PP / C / 02
(STK) 2025 - 01

Sebut Harga Membekal Jamuan Makanan & Minuman Bagi Majlis-Majlis, Aktiviti dan Kursus Bahagian Perancangan dan Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pentadbiran Bermula 1 April 2025 Hingga 31 Mac 2026 (Selama 1 Tahun).

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Rabu,
5 Februari 2025.
Jam 2.00 Petang.

**Bahagian Teknologi Maklumat Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam**

**Bil. Sebut Harga:**
23 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2024
One-Year Term Contract To Supply And Deliver Genuine Toner and Ink Cartridges For The Ministry Of Religious Affairs

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Rabu,
15 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.

**JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Tawaran:**
JPH / 1207-005 / TAW393 / 2024 – 2025

**Tajuk Tawaran:**
Pembelian Anak Pokok Bagi Projek-Projek Penanaman Mengaya RKN-12

**Tarikh Tutup :**
17 Disember 2024.
(Selasa)
Jam 2.00 Petang.

---

**JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0040 / 2024

**Tajuk Sebut Harga:**
Penyewaan Tempat Perkhidmatan Mesin Layan Sendiri (Vending Machines) Di Bangunan-Bangunan Jabatan Perikanan Selama Dua (2) Tahun

**Bilangan Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0041 / 2024

**Tajuk Sebut Harga**:
To Supply And Delivery A Customized Crab And Lobster Measurement Gauge

**Bilangan Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0042 / 2024

**Tajuk Sebut Harga:**
To Provide Servicing And Maintenance Of Aluminium Dive Cylinders

**Bilangan Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0043 / 2024

**Tajuk Sebut Harga**:
To Provide Servicing Works Of Air Compressor And Filling Station Panel

**Tarikh Tutup :**
Khamis, 19 Disember 2024.
Jam 2.00 Petang.

---

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam**

**Kelas :**
IV & V sahaja

**Kategori :**
KA01

**Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran :**
20 November 2024.

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Selasa,
10 Disember 2024.
Jam 3.00 Petang.

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa,
17 Disember 2024.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DOR / SRC 33 / 2024

**Nama Projek:**
Menyediakan Infrastruktur Asas Untuk Kemudahan Nelayan Kecil-Kecilan Di Tempat Penurunan Perahu Kg. Kuala Tutong, Daerah Tutong

**Yuran Tawaran :**
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

---

**JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Sebut Harga:**
JBBSB / SH / 2024-2025 / 41 / BPPK / 21

**Tajuk Sebut Harga:**
Tawaran Kontrak Penggal Selama Tiga (3) Bulan Bagi Pengurusan dan Pembersihan Tandas Awam Kawasan Letak Kereta Jalan Bendahara

**Hari, Tarikh dan Jam Tutup:**
Khamis,
26 Disember 2024.
Jam 2.00 Petang.

---

**JABATAN PENGANGKUTAN DARAT KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Rujukan Tawaran:**
56 / JPD / JKSH / 2024 - 2025

**Tajuk Tawaran:**
Supply and Delivery Of Chairs For Land Transport Department Headquarters Building

**Tarikh Tutup :**
Rabu, 18 Disember 2024.
Sebelum 2.00 Petang.

---

**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Rujukan Tawaran :**
RCED / MESIN / X-RAY JKED / TAWARAN / BL / Q / 2024-26

**Tajuk:**
Comprehensive Planned Preventive Maintenance and Training for RCED Officers for Nuctech FS60000 Fast Scan Container / Vehicle Inspection System

**Tarikh Tutup:**
24 Disember 2024.

---

**UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

**Iklan Tarikh Lanjutan**

**UNISSA / SB0056 / 2024 / 2025**
Perkhidmatan Penyewaan Ruang & Pengendalian Café di Perpustakaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bagi Tempoh Dua (2) Tahun

**Tarikh Tutup Sebut Harga Dilanjutkan :**
Rabu,
18 Disember 2024.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

---

**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Bahagian Pelaburan Kementerian Kewangan dan Ekonomi**

**Bilangan Tawaran:**
KKW / P / 56
(IT/Q4/2024)

**Tajuk Tawaran:**
The Supply, Delivery, Installation, Configuration, Testing and Commissioning Of New IT Hyper - Converged Infrastructure for Investment Division, Ministry of Finance and Economy Brunei Darussalam

**Yuran Sebut Harga (*Hardcopy*) :**
BND10.00 tunai
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
Isnin,
30 Disember 2024.

---

**ADIL LAILA BAHAGIA**

**JABATAN MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT JABATAN PERDANA MENTERI**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Kelas I & II Sahaja Di Bawah Kategori B 01 Sahaja**

**Bilangan Tawaran**:
JMM / JKSH / Q&T / 2024 / 30

**Tajuk Tawaran:**
Minor Repair Works To Royal Dais And Other Associated Work To Bangunan Dewan Majlis Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Brunei Darussalam.

**Yuran Tawaran:**
Percuma

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
19 Disember 2024.

**Tarikh Tutup:**
24 Disember 2024.
Jam 2.00 Petang.

---

## PERATURAN PENGIKLANAN
### (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI

PELITA BRUNEI

- IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.
- Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**
- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :
**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
**+673 2383400 sambungan Meja Iklan**

**SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.**

**RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.**

**IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.**

# جوالن سالينن ݢمبر٢ ديݢيتل

# JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



**HARGA JUALAN**

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.
Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.
(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

**TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN**

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

**JENIS-JENIS**

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam **laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn)** dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

**IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN**

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

**WAKTU PERNIAGAAN**

Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi

InfoDeptBN
Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam
infodept.bn
infodept_bn

# EDRY ZIQRY JUARA BINTANG SEARCH MUSIM KE-5





SESI bergambar ramai bersama juara Bintang Search Musim Ke-5 (atas), sementara gambar atas kiri, para juri semasa memberikan kritikan pada pertandingan berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto : Origin Original Productions!

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 14 Disember. - Selepas lapan minggu persaingan yang sengit, Edry Ziqry muncul sebagai juara Bintang Search Musim Ke-5.

Peringkat akhir yang berlangsung malam tadi menyaksikan Edry membawa pulang hadiah utama berjumlah BND10,000 dan *single* sulung terbitan Ungu, salah sebuah kumpulan muzik ikonik di Indonesia.

Episod akhir Bintang Search yang dinanti-nantikan menarik perhatian penonton dengan persembahan yang mendebarkan, mempamerkan bakat luar biasa lima finalis.

Edry, yang memiliki kekuatan dari segi suara dan persembahan pentas yang memenangi hati penonton sepanjang musim, menerima hadiahnya daripada Makki, pemain bass Ungu.

Oktarini Lestari dari Indofood, penaja utama persembahan itu, turut hadir untuk menyampaikan replika cek BND10,000.

Pada malam itu turut menampilkan penyampaian trofi berprestij Bintang Search oleh Pengasas dan juga penerbit rancangan itu, Siti Kamaluddin.

Berucap pada majlis itu, Siti Kamaluddin menonjolkan bakat luar biasa semua peserta akhir, dengan menyatakan bahawa pertandingan itu amat sukar pada tahun ini.

Tambah beliau lagi, lima finalis masing - masing membawakan sesuatu yang unik dengan suara mereka yang pelbagai. Ia adalah satu perjalanan yang luar biasa untuk menyaksikan perkembangan mereka dan Brunei berbangga untuk mempersembahkan bakat luar biasa itu kepada dunia.

Buat pertama kalinya, para peserta Bintang Search berpeluang untuk mempamerkan bakat mereka kepada beberapa artis dan legenda muzik berbakat Asia Tenggara yang memberi dorongan yang lebih besar kepada mereka untuk membuat persembahan yang terbaik pada setiap minggu.

Pada minggu-minggu menjelang Grand Finale, persembahan itu telah menyaksikan kehadiran juri jemputan khas seperti Marsha Milan, Maria Aries, Dila Junaidi, Aisha Retno, Ziana Zain, Ayda Jebat dan Kris Dayanti yang kesemuanya bersemangat untuk memupuk semangat bakat baru dalam industri muzik.

Bintang Search Musim Ke-5 sekali lagi terbukti sebagai platform yang menarik untuk kemunculan bintang muzik baharul, dengan kemenangan Edry menandakan permulaan kerjaya yang menarik.

Penyokong Edry boleh menantikan *single* sulungnya yang akan datang, yang akan diterbitkan oleh Kumpulan Ungu dan ia akan menjadi sesuatu yang tidak dapat dilupakan dalam perjalanan muziknya.



# IMBASAN MINGGUAN



SESI pemanasan badan antara aturcara Kempen Hari Bertindak yang diadakan serentak di keempat-empat daerah. - Foto : Muhamad Khairul Hisyam Jaya, ihsan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



ANTARA aktiviti yang dianjurkan semasa Kempen Hari Bertindak Sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2024, Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) khususnya Jabatan Belia dan Sukan (JBS). - Foto : Muhamad Khairul Hisyam Jaya, ihsan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



SERONOK saat mengikuti Program Riadah Ukhuwah (Sukan Persaudaraan) anjuran Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong dengan kerjasama Bahagian Pengembangan Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dan Persatuan Saudara-Saudara Baru Daerah Tutong (PESATU), bertempat di Pantai Seri Kenangan, di sini. - Foto : Mohammad Hasif Matzin



SEBAHAGIAN daripada aktiviti yang dijalankan pada Majlis Sambutan dan Penghargaan Kempen Hari Bertindak yang diadakan di Kompleks Sukan Mumong. - Foto : Alishahrin Haji Mumin



AKSI-aksi semasa Kejohanan Sepak Takraw yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan RPN Kampung Rataie, Daerah Temburong, di sini. - Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin



AKTIVITI menyemai benih bunga antara aktiviti yang diadakan semasa Kempen Hari Bertindak (Day of Action) Sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2024 di Daerah Tutong. - Foto : Azmah Haji Ahad

INDUSTRI KOTEJ




# Produk berasaskan bidara buatan tempatan

**Oleh : Norliah Md. Zain**
**Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman**

**KOSMETIK** merupakan produk yang digunakan untuk mencantikkan, merawat atau melindungi kulit dan bahagian tubuh yang lain, seperti wajah, rambut, kuku, dan lain-lain. Produk kosmetik sering digunakan untuk meningkatkan penampilan seseorang bagi membaiki keadaan kulit, rambut, dan kuku.

Kosmetik terdiri dari berbagai jenis, misalnya produk perawatan kulit, antaranya losyen, sabun, minyak rambut, syampu, pelembap dan sebagainya.

Kosmetik juga digunakan untuk menjaga kebersihan dan kesihatan kulit atau tubuh. Beberapa produk kosmetik juga diformulasikan untuk mengatasi masalah tertentu, seperti jerawat, penuaan, atau kulit kering.

Alhamdulillah, di negara kita sudah terdapat beberapa pengusaha yang membuat produk kosmetik dengan harga yang berpatutan dan mampu milik. Antara yang aktif mengusahakan produk kosmetik ialah Perusahaan Iman Putera yang terletak di No. 23, Jalan Binturan, Kampung Penanjong di Daerah Tutong.

Produk yang dihasilkan oleh perusahaan ini juga termasuk di bawah Satu Kampung Satu Produk di bawah Majlis Perundingan Kampung (MPK) Penanjong. Perusahaan ini diasaskan oleh Awang Haji Sulaiman bin Haji Sahat, seorang mantan guru.

Awang Abd. Qawi bin Haji Sulaiman iaitu anak kepada pengasas perusahaan ini ketika ditemui berkata, dengan minat yang mendalam, ayahnya telah memulakan perniagaan ini pada tahun 2015 dan ketika ini beliau perlahan-lahan belajar selok belok bisnes yang telah diusahakan oleh ayahnya itu.

Produk yang mula-mula dibuat oleh syarikat ini ialah produk berasaskan madu kelulut. Madu kelulut yang digunakan pula adalah madu yang belum diproses yang mana khasiatnya pada kulit adalah untuk membuang toksik pada lapisan kulit dan membuat kulit menjadi lebih elastik.

Walau bagaimanapun, memandangkan sudah banyak yang membuat produk berasaskan madu kelulut, mereka membuat pula produk berasaskan bidara yang mana ketika itu belum ada orang tempatan memulakannya. Walau bagaimanapun madu kelulut tetap juga digunakan sebagai bahan kepada produk-produk yang dihasilkan pada perusahaan ini.

Bidara mempunyai kelebihan dan khasiat tersendiri yang mana ia disebut sebagai salah satu daripada pohon di dalam syurga. Bidara atau nama saintifiknya Z. Mauritiana adalah herba yang digunakan dalam perubatan Islam bagi membantu menghindari gangguan jin, makhluk halus dan sihir. Selain daripada itu, beberapa khasiat daun bidara adalah dalam kandungan komposisi daun bidara yang mempunyai kolagen yang dapat membantu meremajakan kulit, antibakteria dan antiseptik yang boleh melindungi dari jangkitan bakteria dan virus.

Sememangnya pelbagai kosmetik yang dihasilkan oleh perusahaan ini seperti sabun dengan pelbagai rangkaian antaranya Sabun Madu, Sabun As-Sifa Limau Purut, Sabun Daun Bidara, Sabun Herba, Sabun Sireh dan Sabun Langir. Semua rangkaian sabun ini mempunyai kelebihannya masing-masing.

Begitu juga produk-produk yang lain seperti minyak urut, minyak angin, krim, *mist spray*, *roll*, pomade, syampu, *balm*, pencuci muka yang mana ia bermanfaat untuk digunakan sebagai pembersih, rawatan penjagaan diri mahupun rawatan untuk melegakan sakit-sakit.

Semua bahan-bahan yang digunakan adalah bahan semula jadi tempatan berkualiti tinggi yang dirumus khas dengan menggunakan bahan-bahan organik serta bebas kimia. Itulah kelebihan kosmetik yang dibuat oleh perusahaan ini yang mana mereka dapat mengawal sepenuhnya bahan-bahan yang digunakan.

Ramuan tradisional juga turut digunakan dalam produk kosmetik perusahaan ini, misalnya langir yang digunakan pada Syampu Langir Daun Bidara dan Bunga Kuduk-Kuduk digunakan pada Sabun Herba.

Pada masa dahulu, langir digunakan sebagai sabun mandian tradisional yang dapat membantu membersihkan kulit dan menjaga kesihatan kulit dan rambut agar tetap sihat. Ia juga mengandungi anti-bakteria yang dapat merawat masalah kulit dan rambut.

Manakala Bunga Kuduk-kuduk pula berkhasiat bagi membantu menghilangkan parut jerawat dan jeragat.

Sebelum dijual, produk-produk ini sememangnya dibuat Penelitian dan Pengembangan (R&D) terlebih dahulu sehingga ia benar-benar sesuai dan memenuhi standard yang dikehendaki. Proses ini memang memakan masa dan menuntut kesabaran yang tinggi kerana banyak proses *try and error* akan ditempuhi.

Produk-produk yang dihasilkan oleh perusahaan ini juga mendapat kebenaran dari Kementerian Kesihatan.

"Ini penting kerana dengan adanya kebenaran dari Kementerian Kesihatan, kita dapat meyakinkan pengguna untuk menggunakan produk kami tanpa ragu-ragu," ujar Awang Abd. Qawi.

Tidak dinafikan sememangnya ada saingan produk kosmetik berasaskan bidara dari luar negeri, namun alhamdulillah, masyarakat *kitani* mempercayai produk tempatan membuatkan produk Iman Putera dapat bertahan hampir 10 tahun.

Produk Iman Putera juga mudah didapati di kiub-kiub dan galeri serta di petak Bruneian Made yang terdapat di pasaraya tempatan, menjadikan produk ini eksklusif. Malah perusahaan ini juga sering dijemput untuk membuat jualan pada ekspo-ekspo anjuran jabatan-jabatan kerajaan dan kementerian.

Lebih membanggakan lagi apabila perusahaan Iman Putera ini juga pernah dijemput untuk menyertai ekspo di Nanning, China.

Dengan kegigihan dan kecekalan dalam membuat produk terutama dari rumah, ia bukan hanya setakat dapat memberikan pendapatan kepada pemilik perusahaan malah akan datang ia boleh diwariskan kepada anak pula yang setentunya akan menjadi legasi berterusan. Oleh itu adalah penting untuk menjaga kelangsungan perniagaan dengan membuat produk yang berkualiti dan eksklusif malah yang penting sekali ialah sokongan masyarakat untuk membeli produk buatan tempatan.




# Mengangkat budaya cerminan bangsa

**Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail**
**Foto : Jabatan Penerangan**

WARISAN seni budaya adalah sebahagian daripada identiti dan jati diri kita sebagai rakyat di bumi berdaulat ini. Kepelbagaian budaya yang dimiliki di negara ini sudah sepatutnya menjadi kebanggaan rakyat di negara ini kerana kekayaan budaya yang ada. Ini kerana budaya tradisional kita juga menunjukkan budi pekerti masyarakat di negara kita. Ia menjadi tunjang perpaduan masyarakat yang pelbagai puak dan kepercayaan. Oleh itu, kita perlu berusaha sedaya upaya untuk memastikannya terus hidup dan diwarisi oleh generasi akan datang.

Budaya merupakan cermin dari pemahaman, nilai, dan tradisi sebuah bangsa. Hal ini mencakupi segala aspek kehidupan, mulai daripada bahasa, seni, muzik, hingga cara berpakaian dan tingkah laku dalam suatu adat istiadat yang terkandung dalam pencerminan budaya bangsa. Pemahaman bangsa terhadap budaya tercermin dalam bagaimana mereka memelihara, melestarikan dan mengembangkan warisan budaya mereka daripada generasi terdahulu hingga ke generasi selanjutnya. Melalui pemahaman dan penghormatan terhadap budaya bangsa, masyarakat dapat memperkaya pengalaman hidup, mengukuhkan jalinan sosial, dan menjaga kelangsungan warisan budaya untuk pewaris akan datang.

Masyarakat yang ada di negara kita kaya dengan pelbagai warisan seni budaya. Ia adalah sebahagian daripada identiti dan jati diri kita sebagai rakyat di bumi berdaulat ini. Daripada tarian, permainan, pertahanan diri dan banyak lagi warisan seni budaya yang telah dilakukan oleh nenek atau moyang kita sejak berkurun lamanya merupakan elemen penting yang mencerminkan identiti sesebuah bangsa. Tetapi kemodenan dan globalisasi yang mendatang telah mengancam khazanah ini dan sebagai rakyat, kita perlu melakukan sesuatu untuk mempertahankan identiti bangsa dan negara kita.

Masyarakat di negara ini perlu sedar bahawa identiti sesebuah bangsa dan negara perlu dipelihara agar terus dihargai sampai bila-bila. Oleh yang demikian, usaha yang lebih serius dan berkesan perlu dilakukan untuk memastikan warisan seni budaya negara kita akan terus kekal menjadi 'harta' yang bernilai untuk kebanggaan semua.

**Memastikan warisan seni budaya diwarisi oleh generasi muda**

Memastikan warisan seni budaya diwarisi oleh generasi muda adalah langkah yang paling penting dalam usaha melestarikan warisan seni budaya. Warisan seni budaya tidak akan bermakna jika ia tidak dapat diwarisi oleh generasi seterusnya. Maka, langkah-langkah perlu diambil untuk memperkenalkan seni budaya ini kepada golongan belia sejak di bangku sekolah lagi dengan mendedahkan mereka kepada seni budaya seperti tarian asli, muzik tradisional, dan kraf tangan melalui aktiviti kokurikulum di sekolah yang boleh membantu meningkatkan minat pelajar terhadap warisan ini. Begitu juga dengan kelas memasak di sekolah dengan mengenalkan pelbagai jenis masakan atau makanan warisan daripada orang tua-tua dulu setentunya dapat memvariasikan lagi keenakan makanan yang mana ada sebahagian resepinya sudah hilang / tidak ada dalam simpanan.

**Mengasimilasikan seni budaya dalam hiburan**

Mengasimilasikan seni budaya dalam hiburan juga merupakan usaha yang penting dalam memastikan warisan seni budaya kekal relevan dalam kehidupan seharian. Dunia hiburan merupakan medium yang berkesan untuk menyampaikan mesej kepada orang ramai, termasuk tentang kepentingan warisan seni budaya. Para penggiat seni perlu kreatif dalam menggabungkan elemen-elemen seni budaya tradisional dalam hiburan moden tanpa mengurangkan sedikit pun nilai-nilai budaya tersebut.

Sebagai contoh, elemen-elemen tarian tradisional boleh diintegrasikan dalam persembahan muzik moden atau filem-filem tempatan. Dengan cara ini, seni budaya tradisional akan dapat dinikmati oleh generasi muda yang mungkin lebih tertarik kepada hiburan moden, sekali gus memastikan ia tidak dilupakan.

Meskipun ada yang mempertikaikan keberkesanan seni budaya digabungkan dalam hiburan moden kerana ditakuti keaslian budaya tersebut akan terjejas tetapi kita perlu juga memikirkan daripada segi positifnya.

**Mempromosi warisan seni budaya**

Inisiatif seterusnya adalah dengan menganjurkan pesta warisan seni budaya secara berkala merupakan langkah yang efektif dalam mempromosikan seni budaya tempatan. Pesta ini boleh menjadi platform untuk memperkenalkan pelbagai jenis seni budaya kepada masyarakat. Ia termasuk seni tari, seni muzik, seni lukis, dan seni kraf tangan dan juga makanan. Melalui pesta ini, orang ramai dapat menyaksikan keindahan dan keunikan warisan seni budaya negara, serta berpeluang untuk belajar dan menghayati seni budaya tersebut.

Pesta ini juga boleh menjadi medan pertemuan antara penggiat seni dengan masyarakat umum yang akan membantu meningkatkan kesedaran dan minat masyarakat terhadap warisan seni budaya. Sebagai contoh, Pesta Makan Tahun Pantai Siandang Kampung Jerudong yang diadakan baru-baru ini adalah antara pesta budaya yang berjaya mempromosikan warisan seni budaya tempatan. Elemen unik inilah yang akan menjadi tarikan kepada pelancong asing untuk datang melawat negara kita yang kaya dengan seni warisan budaya.

Persembahan pencak silat oleh kanak-kanak begitu menarik dan menghiburkan dan pada hari berikutnya persembahan memukun juga diadakan di tempat yang sama. Ketinggian nilai budaya digarap dengan keindahan seni lebih berkesan.

Begitu juga beberapa contoh binaan yang dipamerkan dapat mengingatkan nostalgia lama bagi warga emas kerana binaan tersebut sudah jarang dilihat bahkan bagi golongan belia mungkin tidak pernah mendengar atau melihatnya seperti Durung (tempat penyimpanan padi) dan Bumbun (sebuah rumah kecil tempat persembunyian semasa proses memanggil burung punai tanah.) Tidak mustahil binaan ini akan lenyap jika tiada yang mempertahankannya.

Selain itu, pembuatan makanan tempatan di pesta tersebut antara aktiviti yang mendapat sambutan ramai. Menanak dadih untuk membuat kelupis, membungkus kuih dalamu, membuat lamban, lapat, kuih sumboi antara sebahagian warisan makanan tempatan yang setentunya mempunyai ciri khas sebagai makanan warisan yang mendapat tempat di hati masyarakat di negara ini.

**Kesimpulan**

Usaha untuk melestarikan warisan seni budaya perlu dilakukan secara menyeluruh dan berterusan oleh semua pihak termasuk kerajaan, institusi pendidikan, penggiat seni, dan masyarakat umum agar warisan seni budaya kita terus berkembang dan kekal relevan dalam era moden ini. Warisan seni budaya adalah sebahagian daripada identiti dan jati diri kita sebagai rakyat di bumi berdaulat ini. Tidak dinafikan adanya cabaran dalam usaha untuk memperkukuh warisan budaya tetapi dengan tekad cintakan bangsa, memelihara budaya kita akan dapat memastikannya terus hidup dan diwarisi oleh generasi akan datang.



BERITA GLOBAL

# PERTUMBUHAN EKONOMI UK MENGUNCUP PADA OKTOBER SUSULAN KELEMBAPAN SEKTOR PERKHIDMATAN

**LONDON**, 14 Dis. - Ekonomi United Kingdom (UK) mengalami penguncupan yang tidak dijangka pada Oktober, mencatatkan pertumbuhan negatif dua bulan berturut-turut buat kali pertama sejak pandemik, menurut data terkini yang dikeluarkan oleh Pejabat Statistik Kebangsaan (ONS), lapor agensi berita Jerman (dpa).

Canselor Rachel Reeves menyatakan kekecewaannya terhadap data itu selepas prestasi lemah pub dan restoran menjejaskan pertumbuhan ekonomi.

ONS melaporkan bahawa Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) UK susut sebanyak 0.1 peratus pada Oktober.

Sebilangan besar ahli ekonomi sebelum ini menjangkakan KDNK meningkat sebanyak 0.1 peratus pada bulan berkenaan.

Data terbaru ini menyusuli kejatuhan KDNK sebanyak 0.1 peratus yang dianggarkan pada September, menjadikannya kali pertama ekonomi UK menyusut untuk dua bulan berturut-turut sejak Mac dan April 2020, ketika permulaan pandemik COVID-19.

Walaupun begitu, ekonomi UK mencatatkan pertumbuhan sederhana sebanyak 0.1 peratus bagi suku ketiga, iaitu dari Julai hingga September.

Menurut ONS, sektor perkhidmatan tidak mencatatkan sebarang pertumbuhan pada Oktober selepas turut mengalami kelembapan pada September.

Pengarah Statistik Ekonomi ONS, Liz McKeown berkata: "Ekonomi menyusut sedikit pada Oktober, dengan sektor perkhidmatan tidak mencatatkan sebarang pertumbuhan keseluruhan, manakala sektor pengeluaran dan pembinaan menunjukkan penurunan.

Penurunan bulan ini disebabkan oleh kelemahan dalam sektor seperti pengekstrakan minyak dan gas, pub dan restoran, serta peruncitan, yang sebahagiannya diimbangi oleh pertumbuhan dalam sektor telekomunikasi, logistik, dan perkhidmatan perundangan."

Reeves berkata: "Kami bertekad untuk mencapai pertumbuhan ekonomi kerana pertumbuhan yang lebih tinggi bermakna peningkatan taraf hidup untuk semua orang, di mana sahaja. Inilah matlamat utama Rancangan Perubahan kami.

Walaupun angka bulan ini mengecewakan, kami telah melaksanakan dasar untuk menyokong pertumbuhan ekonomi jangka panjang."

Tinjauan bulanan perniagaan oleh ONS menunjukkan reaksi bercampur - campur menjelang pengumuman Belanjawan Musim Luruh pada akhir bulan ini.

Beberapa industri seperti pengeluar, peruncit, dan agensi pengambilan pekerja melaporkan perolehan mereka terkesan kerana mereka menunggu kesan kenyataan penetapan cukai.

Namun, sektor lain seperti hartanah dan perkhidmatan perundangan menunjukkan peningkatan aktiviti menjelang pengumuman itu, menurut ONS. - ©BERNAMA

## Filipina pindahkan lebih 45,000 penduduk susulan letusan Gunung Berapi Kanlaon

**MANILA**, 14 Dis. - Presiden Filipina Ferdinand Marcos Jr pada Jumaat memaklumkan kerajaan telah memindahkan lebih 45,000 penduduk dari kampung-kampung berhampiran Gunung Berapi Kanlaon yang aktif, selepas ia meletus pada Isnin, lapor Xinhua.

Marcos berkata, kerajaan menyasarkan untuk memindahkan kira-kira 84,000 penduduk yang berada dalam zon bahaya sejauh enam kilometer dari gunung berapi itu.

Beliau berkata kerajaan bersedia membantu penduduk yang terjejas akibat letusan gunung berapi itu, yang menyebabkan beberapa kampung diselubungi abu serta mencemari sumber air minuman komuniti terbabit.

"Kami akan bertindak. Sebarang peningkatan kerosakan dan kemusnahan akan dihadapi dengan tindak balas lebih baik daripada kerajaan," kata Marcos.

Gunung Kanlaon, yang terletak di antara wilayah Negros Oriental dan Negros Occidental di Pulau Negros, Filipina Tengah, telah menghamburkan "voluminous plume" setinggi lebih 4,000 meter ke udara pada petang Isnin.

Institut Vulkanologi dan Seismologi Filipina memberi amaran kemungkinan berlakunya letusan lebih besar, sekali gus menggesa penduduk dalam zon bahaya dan kawasan sekitarnya untuk berpindah ke tempat selamat.

Marcos turut merayu kepada penduduk, terutama mereka yang enggan meninggalkan rumah dan ladang, agar segera berpindah ke kawasan selamat, termasuk pusat pemindahan sementara seperti sekolah yang diubah menjadi tempat perlindungan.

Kali terakhir Gunung Kanlaon, satu daripada 24 gunung berapi paling aktif di negara itu meletus pada Jun. - ©BERNAMA

## Sarawak tawar pendidikan kewangan, perakaunan percuma bermula 2026

**KUCHING**, 14 Dis. - Pengajian Kewangan dan Perakaunan antara disiplin penting yang akan ditawarkan di bawah dasar pendidikan tinggi percuma di kesemua universiti milik Sarawak bermula 2026, kata Premier Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

Beliau berkata kedua-dua bidang itu penting bagi mengurus dan mengaudit aspek kewangan ekonomi hijau Sarawak yang sedang berkembang, terutamanya dalam bidang seperti perdagangan karbon dan kelestarian persekitaran.

"Selagi anda layak, anda dapat pendidikan percuma untuk belajar kewangan dan perakaunan kerana kami perlukan anda untuk mengaudit karbon kita, kami perlukan anda untuk mengira karbon, kami juga perlukan anda untuk mengira sesuatu yang tidak ketara. Dalam erti kata lain, itu akan menjadi disiplin yang berasaskan standard antarabangsa," katanya.

Bercakap pada Majlis Pemegang Taruh Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA) Malaysia diadakan di sini malam tadi, beliau berkata akauntan memainkan peranan penting dalam memastikan ketelusan dan penilaian yang betul dalam sektor baharu itu.

"Satu portfolio tambahan kepada para akauntan ialah kelestarian. Anda tidak lagi bercakap mengenai pendapatan bersih (*bottom lines*) tetap anda bercakap tentang suatu portfolio baharu," katanya sambil menambah tanggungjawab akauntan telah berkembang secara signifikan berfokuskan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG). - ©BERNAMA

## Pemimpin G7 seru "peralihan aman dan teratur" di Syria

**KUALA LUMPUR**, 14 Dis. - Pemimpin G7 pada Jumaat menyuarakan harapan untuk "peralihan yang aman dan teratur" di Syria susulan kejatuhan rejim Bashar al-Assad, lapor agensi berita Jerman dpa.

Dalam satu persidangan video, para pemimpin turut menyeru agar proses politik yang "inklusif" dilaksanakan, menurut kenyataan daripada kerajaan Itali.

Mesyuarat itujuga menyaksikan penyerahan simbolik kepimpinan G7 daripada Perdana Menteri Itali Giorgia Meloni kepada rakan sejawatnya dari Kanada, Justin Trudeau.

Kumpulan Tujuh (G7) - yang terdiri daripada Amerika Syarikat (AS), Kanada, Perancis, United Kingdom, Jerman, Itali dan Jepun - merupakan forum bagi negara perindustrian Barat yang terkemuka.

Rusia juga pernah menjadi anggota kumpulan itu sebelum dikeluarkan pada 2014.

Dalam panggilan video pada Jumaat, para pemimpin sekali lagi mengecam pencerobohan Rusia ke atas Ukraine serta kerjasama yang semakin meningkat antara Moscow dan Korea Utara.

Mereka turut menyifatkan gencatan senjata di Lubnan sebagai "langkah penting ke arah perdamaian" dan mengulangi sokongan terhadap rancangan gencatan senjata di Gaza yang dipimpin oleh AS. - ©BERNAMA

## Pameran Pelancongan Malaysia di Yogyakarta perkukuh hubungan Malaysia-Indonesia

**YOGYAKARTA**, 14 Dis. - Pameran Pelancongan Malaysia 2024 anjuran Tourism Malaysia Jakarta yang bermula pada Jumaat di Yogyakarta, merupakan satu usaha penting dalam memperkukuhkan kerjasama pelancongan antara Malaysia dan Indonesia.

Ini adalah kali pertama pameran pelancongan ini diadakan di Yogyakarta, sebuah bandar yang terkenal dengan warisan seni dan budaya, menurut Pengarah Tourism Malaysia Jakarta, Hairi Mohd Yakzan.

"Kami berasa bangga untuk memulakan langkah penting ini di Yogyakarta, sebuah bandar yang bukan sahaja melambangkan seni dan tradisi, tetapi juga mengukuhkan hubungan erat antara Malaysia dan Indonesia," katanya pada majlis perasmian.

Acara itu yang diadakan dengan kerjasama Persatuan Ejen Pelancongan Indonesia (ASTINDO) dan Persatuan Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Indonesia (ASITA), telah dirasmikan oleh Duta Besar Malaysia ke Indonesia, Datuk Syed Md Hasrin Tengku Hussin.

Dalam ucapan perasmiannya, Syed Md Hasrin yakin pameran ini akan menjadi platform penting untuk mengukuhkan lagi hubungan ekonomi dan hubungan rakyat antara kedua-dua negara.

"Tahun depan, Malaysia secara rasmi akan mengambil alih peranan Pengerusi ASEAN 2025 dan menyambut Tahun Melawat Malaysia 2026 pada tahun berikutnya. Oleh itu, manfaatkan peluang ini untuk menerokai negara kami dengan lebih mendalam," katanya.

Beliau turut menyatakan Malaysia menawarkan pengalaman pelancongan unik dengan penekanan yang tinggi terhadap kemampanan bagi memastikan masa depan industri ini terjamin.

Sepanjang tiga hari pameran ini diadakan di Jogja City Mall, pengunjung boleh menikmati pelbagai pakej pelancongan eksklusif, diskaun, dan tawaran daripada pengendali pelancongan terkemuka. Acara ini dijangka menarik kehadiran ramai penduduk tempatan yang berhasrat memilih Malaysia sebagai destinasi percutian mereka.

Antara aktiviti menarik yang disediakan ialah cabutan bertuah, demonstrasi teh tarik, dan persembahan tarian tradisional Malaysia.

Tourism Malaysia, sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan dan memainkan peranan penting dalam industri pelancongan antarabangsa.

Tahun Melawat Malaysia 2026 akan memberi tumpuan kepada kemampanansektor pelancongan negara selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu (UNSDGs).

Agensi itu juga menyokong Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia - Malaysia - Thailand (IMT-GT) dan bertujuan mempromosikan rantau ini sebagai destinasi pelancongan bersepadu melalui inisiatif Tahun Melawat IMT - GT 2023 - 2025. - ©BERNAMA

## Moody's turunkan penarafan kredit Perancis ke Aa3

**KUALA LUMPUR**, 14 Dis. - Agensi penarafan kredit Moody's telah menurunkan penarafan kredit Perancis kepada Aa3 dengan prospek stabil, lapor Xinhua yang memetik laporan media pada Sabtu.

"Keputusan untuk menurunkan penarafan Perancis kepada Aa3 mencerminkan pandangan kami bahawa kewangan awam Perancis akan mengalami kelemahan ketara akibat perpecahan politik dalam negara, yang untuk jangka masa terdekat akan mengehadkan skop dan langkah-langkah besar untuk mengecilkan defisit yang besar," kata Moody's seperti dipetik oleh media.

Penurunan ini berlaku beberapa jam selepas Presiden Perancis Emmanuel Macron pada Jumaat melantik Francois Bayrou sebagai perdana menteri baharu negara itu, menggantikan Michel Barnier yang digugurkan melalui undi tidak percaya pada 4 Disember.

"Melihat ke hadapan, terdapat kebarangkalian yang sangat rendah bahawa kerajaan seterusnya akan berjaya mengurangkan defisit fiskal secara mampan selepas tahun depan," menurut agensi penarafan itu.

"Akibatnya, kami menjangkakan kewangan awam Perancis akan menjadi lebih lemah secara material dalam tempoh tiga tahun akan datang berbanding senario asas kami pada Oktober 2024," tambahnya. - ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# BEIJING TAMBAH 3 LALUAN BAHARU METRO, KURANGKAN LAGI TRAFIK PUSAT BANDAR

**BEIJING**, 15 Dis. - Tiga laluan baharu metro dibuka pada Ahad di Beijing, menambah jumlah jarak transit rel bandar raya itu kepada 879 kilometer, meletakkan ia di ranking pertama dalam kalangan metropolitan di China, lapor Xinhua.

Wu Yulan, seorang pegawai Suruhanjaya Pengangkutan Perbandaran Beijing berkata tiga bahagian laluan metro termasuk satu koridor bawah tanah timur-barat melalui bandar raya yang juga disambungkan ke banyak laluan transit kereta api utara-selatan, memberikan pilihan baharu bagi orang ramai di kawasan perumahan besar bandar raya itu.

Wu berkata rangkaian transit rel Beijing kini mempunyai 522 stesen termasuk 98 stesen pertukaran.

Beijing mengambil langkah untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas dengan membina lebih banyak laluan kereta api bawah tanah, yang menyediakan penyelesaian transit pantas di kawasan metropolis yang luas itu.

Sejak Laluan Metro Beijing 1 dibuka secara rasmi pada 1 Okt 1969, untuk menjadi transit rel bandar pertama di China, Beijing membina rangkaian transit rel bandar yang paling lama beroperasi di negara ini.

Wu berkata rangkaian transit rel yang diperluas dibingkan untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat dan untuk meneruskan pembangunan berkualiti tinggi di bandar raya itu. - ©BERNAMA

# Lapan cedera selepas bas langgar jambatan di Glasgow

**LONDON**, 15 Dis. - Lapan orang cedera, termasuk seorang dalam keadaan kritikal, selepas sebuah bas dua tingkat melanggar jambatan kereta api di pinggir Glasgow, lapor PA Media/dpa.

Rakaman dalam talian menunjukkan sebuah bas First Bus terperangkap di bawah jambatan di Cook Street, dengan bahagian bumbungnya tercabut dan kaca berselerak di atas jalan.

Perkhidmatan kecemasan tiba di lokasi kejadian selepas Polis Scotland menerima laporan mengenai nahas itu sekitar 6 petang (1800 GMT) pada Sabtu.

Jurucakap Polis Scotland berkata: "Perkhidmatan kecemasan telah hadir dan lima orang dibawa dengan ambulans ke Hospital Queen Elizabeth University untuk mendapatkan rawatan.

"Seorang dilaporkan dalam keadaan kritikal.

"Tiga yang lain diperiksa di lokasi dan dapatkan rawatan lanjut di hospital."

Polis masih menyiasat punca nahas itu, dengan seorang saksi mendakwa bas itu mungkin tersalah mengambil jalan.

Pemandu kenderaan dinasihatkan supaya mengelak kawasan itu, dengan beberapa jalan masih ditutup.

First Bus memaklumkan bahawa satu daripada bas mereka yang beroperasi di laluan 4A di Glasgow terlibat dalam 'insiden pelanggaran jambatan' sekitar 6 petang, apabila sebuah bas dua tingkat melanggar jambatan kereta api di Cook Street.

Jurucakap syarikat itu berkata: "Kami menyedari terdapat banyak kecederaan, dengan seorang dibawa ke hospital menggunakan ambulans. Kami telah melancarkan siasatan segera dan turut membantu Polis Scotland dalam penyiasatan mereka.

Tidak diketahui arah perjalanan bas itu, tetapi laluan 4A menghubungkan Broomhill dan Eaglesham.

Penumpang Spike Turner, yang duduk di bahagian hadapan bas, memberitahu BBC bahawa pemandu telah tersalah mengambil jalan dan melanggar "terus ke jambatan".

Dia berkata: "Saya baik-baik saja, tetapi wanita di hadapan saya mungkin mengalami gegaran otak. Jambatan itu sendiri tidak cukup rendah untuk mencederakan kepala sesiapa, tetapi bahagian luar bas telah melengkung ke bawah.

"Lelaki di tempat duduk hadapan mengalami kecederaan teruk. Dia mengalami pendarahan yang banyak dan luka besar di kepalanya." - ©BERNAMA

# 47 warga Pakistan diselamatkan selepas bot migran terbalik di perairan Greece

**NEW DELHI**, 15 Dis. - Seramai 47 warga Pakistan adalah antara mereka yang diselamatkan selepas sebuah bot migran terbalik di perairan Greece awal pagi Sabtu, menurut Kementerian Luar Pakistan pada Ahad.

Sekurang-kurangnya seorang warga Pakistan adalah antara lima individu yang disahkan maut dalam tragedi berhampiran Pulau Gavdos, di selatan Crete.

"Pada masa ini, kami tidak dapat mengesahkan jumlah warga Pakistan yang terkorban atau hilang," menurut kenyataan kementerian itu.

Berpuluh-puluh migran dilaporkan masih hilang selepas insiden itu, menurut pengawal pantai Greece.

Kedutaan Pakistan di Athens sedang berhubung dengan Pengawal Pantai Hellenic dan Pengawal Pantai Chania, yang mengendalikan operasi mencari dan menyelamat.

Pegawai kedutaan kini berada di Crete untuk bertemu dengan warga Pakistan yang telah diselamatkan. - ©BERNAMA

# SWCorp kutip lebih 12,852 tan sisa banjir di tujuh negeri

**ALOR SETAR**, 15 Dis. - Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) mengutip lebih 12,800 tan janaan sisa banjir di tujuh negeri yang terjejas bencana itu dalam operasi bermula 28 Nov hingga Rabu (11 Dis 2024) lepas.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Aiman Athirah Sabu berkata sebanyak 45 kawasan terlibat dalam operasi itu membabitkan Kedah, Perlis, Pahang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Kita meletakkan sasaran sehingga 20 Dis di negeri-negeri ini yang menerima pakai Akta 672 agar bersih, insya-Allah kita doakan semoga tak ada gelombang lagi.

"Dalam operasi ini, 153 unit jentera digunakan dengan kekuatan pekerja seramai 362 orang dan janaan sisa banjir sebanyak 12,852.18 tan," katanya kepada pemberita ketika meninjau kerja-kerja pembersihan dan pengurusan pasca banjir di Taman Aman, di sini, hari ini.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif SWCorp Khalid Mohamed.

Sementara itu, Aiman Athirah berkata sebanyak 730.03 tan sisa banjir di Kedah melibatkan 19 lokasi di Alor Setar dan 10 di Kubang Pasu berjaya dikumpulkan dan dihantar ke pusat pelupusan di Jabi, di sini.

"SWCorp juga telah mengarahkan E-Idaman menempatkan 171 unit tong sampah merangkumi 71 unit kapasiti 1100 liter, 95 unit (240 liter), dua unit (660 liter) dan tiga unit Roro di 58 pusat pemindahan sementara (PPS) di Kedah dengan frekuensi kutipan secara harian.

"Hari ini saya turun di Taman Aman bagi memastikan kerja-kerja pembersihan betul-betul berjalan dan tidak seperti hanya dilaporkan saja dan berharap penduduk kembali menjalani kehidupan selesa dan selamat," katanya.

Beliau berkata penduduk juga diminta agar menguruskan sisa pepejal dan memastikan persekitaran kembali bersih. - ©BERNAMA

# Tambang feri ke Langkawi naik antara RM3 hingga RM10.50 bermula 1 Jan 2025

**ALOR SETAR**, 15 Dis. - Langkawi Ferry Line Ventures Sdn Bhd mengumumkan kenaikan kadar tambang feri Langkawi ke Kuala Perlis dan Kuala Kedah berkuat kuasa 1 Jan 2025.

Pengurus Operasi Langkawi Ferry Line Ventures Norhafiz Abdul Wahid berkata kenaikan itu adalah di antara RM3 hingga RM10.50 sehala mengikut kategori penumpang dan laluan perjalanan.

"Bagi laluan Langkawi-Kuala Perlis-Langkawi, kadar kenaikan RM3 iaitu daripada RM21 ketika ini kepada RM24 bagi dewasa warganegara dan daripada RM16 kepada RM19 bagi kanak-kanak warganegara.

"Kenaikan RM3.50 pula dikenakan bagi laluan Langkawi-Kuala Kedah-Langkawi iaitu daripada RM26.50 kepada RM30 bagi dewasa warganegara dan RM20.50 kepada RM24 bagi kanak-kanak warganegara," katanya dalam kenyataan hari ini.

Norhafiz berkata kadar tambang bagi bukan warganegara untuk laluan Langkawi-Kuala Perlis-Langkawi pula dinaikkan RM8 bagi dewasa iaitu daripada RM27 kepada RM35 dan RM19.50 kepada RM25 bagi kanak-kanak.

Bagi laluan Langkawi-Kuala Kedah-Langkawi, kadar tambang bagi dewasa bukan warganegara dinaikan RM10.50 iaitu daripada RM34.50 kepada RM45 dan daripada RM25.50 kepada RM32 bagi kanak-kanak bukan warganegara.

Beliau berkata kadar tambang bagi penduduk Langkawi pula masing-masing dinaikkan sebanyak RM3 dan RM3.50 bagi kedua-dua laluan berkenaan untuk dewasa dan kanak-kanak.

"Tambang penduduk Langkawi bagi perjalanan Langkawi-Kuala Perlis-Langkawi dinaikkan kepada RM18 untuk dewasa dan kepada RM13 untuk kanak-kanak, manakala bagi laluan Langkawi-Kuala Kedah-Langkawi pula kadar baharu adalah RM23.50 bagi dewasa dan RM17.50 bagi kanak-kanak," katanya.

Norhafiz berkata tiada kenaikan tambang untuk warga emas dan orang kurang upaya (OKU) yang masing-masing kekal pada kadar RM13 dan RM17 serta RM10 dan RM14 bagi kedua-dua laluan itu.

Beliau berkata kadar tambang perkhidmatan feri syarikat itu sepatutnya telah dinaikkan pada 5 Ogos 2022 iaitu RM6 bagi laluan Langkawi-Kuala Perlis-Langkawi dan RM7 bagi laluan Langkawi-Kuala Kedah-Langkawi.

Namun beliau berkata kenaikan tersebut dikurangkan 50 peratus ketika itu atas faktor pemulihan pasca COVID-19. - ©BERNAMA

# Mesir rasmi loji tenaga solar US$500 juta di Aswan

**KUALA LUMPUR**, 15 Dis. - Perdana Menteri Mesir Mostafa Madbouly pada Sabtu merasmikan loji tenaga solar bernilai US$500 juta di bandar selatan Aswan sebagai sebahagian daripada usaha negara itu meningkatkan pengeluaran tenaga boleh diperbaharui, lapor Xinhua.

"Ia adalah langkah penting dalam mempromosikan tenaga boleh diperbaharui dan mencerminkan komitmen mendalam kami terhadap visi masa depan yang bertujuan mencapai kelestarian alam sekitar dan ekonomi," kata Madbouly semasa majlis perasmian itu, menurut kenyataan kabinet.

Loji Abydos Solar PV, dengan kapasiti 500 megawatt, dibangunkan oleh syarikat tenaga berpangkalan di Dubai, AMEA Power. Kontraktor am projek ini ialah China Energy Engineering Corporation (Energy China), menurut kenyataan tersebut.

Pengerusi AMEA Power Hussain Al Nowais berkata pelaburan bernilai setengah bilion dolar itu dibiayai oleh Perbadanan Kewangan Antarabangsa, Bank Pembangunan Keusahawanan Belanda dan Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun.

Kenyataan itu menyatakan projek itu melambangkan visi Mesir dalam menyediakan peluang luar biasa kepada sektor swasta asing, Arab dan domestik untuk melabur di negara itu. Loji itu dijangka menjana elektrik untuk 256,000 rumah dan menyumbang kepada pengurangan pelepasan karbon dioksida sebanyak hampir 760 tan setahun, menurut kenyataan berkenaan.

Selain itu, kerajaan Mesir pada Sabtu menandatangani perjanjian pembelian tenaga dan tanah dengan AMEA Power untuk projek tenaga angin 500 megawatt di Ras Shukheir, Teluk Suez, dengan pelaburan dianggarkan bernilai US$600 juta. - ©BERNAMA

# WALKATON SEMPENA PROGRAM KE TEMBURONG BISAI






PENGARAH Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim hadir selaku tetamu kehormat. Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir (kiri dan atas). Manakala gambar bawah, antara yang menyertai walkaton berkenaan.



**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohammad Hasif Matzin**

**TEMBURONG**, Sabtu, 14 Disember. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sibut dan Sumbiling serta MPK Batu Apoi mengadakan Walkaton Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 bersempena Program Ke Temburong Bisai (KTB) Edisi Borneo Bike Gathering.

Walkaton tersebut diadakan di Kawasan Dermaga Pekan Bangar, Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pengarah Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir dan Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar.

Aturcara dimulakan dengan sesi senamrobik disusuli dengan walkaton sejauh lebih dari dua kilometer dan diteruskan dengan Pertandingan Tarik Kalat Santai.

Acara ditutup dengan penyampaian hadiah kepada pemenang Pertandingan Tarik Kalat.

# Riadah Brisk Walk eratkan silaturahim

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 14 Disember. – Dalam usaha menggalakkan pengamalan gaya hidup yang aktif dan sihat dalam kalangan pegawai dan kakitangannya, Jabatan Pengajian Islam (JPI) petang tadi mengadakan aktiviti riadah Brisk Walk yang mengambil tempat di Pentagon Park Berakas, kawasan Jalan Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Turut serta pada acara tersebut, Penolong Pengarah (Perkhidmatan Korporat) JPI, Dayang Haslinah Susanti binti Haji Mohd. Hasan.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti dengan senaman ringan sebelum memulakan aktiviti Brisk Walk.

Adapun tujuan acara ini diadakan adalah bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim dan perpaduan dalam kalangan warga jabatan berkenaan.

Turut hadir, penolong-penolong pengarah, ketua-ketua bahagian, ketua-ketua unit, para pegawai dan kakitangan JPI.



**AKTIVITI riadah Brisk Walk dimulakan dengan senaman ringan. (kanan). Manakala gambar bawah, antara yang menyertai riadah berkenaan.**



PELITA BRUNEI SUKAN
ePaper Pelita Brunei

# PESTA RIA INKLUSIF RAIKAN PENYERTAAN, PERKEMBANGAN OKU



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Pesta Ria Inklusif sempena Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (HAOKU) (kiri). Manakala gambar kanan, antara yang menyertai aktiviti pada pesta berkenaan.

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 15 Disember. - Lebih 200 peserta termasuk golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) pagi tadi mengikuti Pesta Ria Inklusif sempena Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (HAOKU) yang disambut pada 3 Disember setiap tahun bertempat di Taman Mahkota Jubli Emas, di ibu negara, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Atur cara dimulakan dengan sesi senamrobik beramai-ramai yang diketuai oleh Ketua Jurulatih, HSN Fitness, Awang Haji Hasnani @ Haji Naning bin Haji Abdul Rahman diikuti dengan perasmian Pesta Ria Inklusif oleh tetamu kehormat dan seterusnya aktiviti Fun Walk sejauh lebih kurang 1.4 kilometer.

Orang ramai juga berpeluang untuk menyaksikan pameran dan mengikuti aktiviti-aktiviti yang diadakan oleh persatuan-persatuan OKU, persatuan badan-badan bukan kerajaan dan pihak swasta.

Pada acara tahun ini, tetamu kehormat bersama pegawai - pegawai kanan kerajaan turut mempelajari dan merasai sendiri menggunakan kerusi roda dengan mengikuti aktiviti anjuran Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC) yang diketuai oleh Konsultant Perubatan Pemulihan dan Ketua Jabatan Pemulihan, Dr. Abang Muhammad Fahmy bin Awang Haji Hepnie.

Aktiviti riadah berkenaan adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai pengalaman OKU menggunakan kerusi roda melalui beberapa petunjuk arah dan halangan.

Dengan bertemakan 'Memperkasa Kepimpinan Orang Kelainan Upaya untuk Masa Depan yang Inklusif dan Mampan', aktiviti berkenaan diadakan dengan tujuan untuk meraikan penyertaan dan perkembangan golongan OKU di dalam masyarakat dan meningkatkan usaha memupuk kesedaran serta mendidik masyarakat terhadap keperluan golongan OKU serta untuk membentuk pandangan positif dan kesaksamaan terhadap golongan tersebut.

Sambutan HAOKU ini dianjurkan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Pusat Perkembangan Kanak-Kanak (CDC) Kementerian Kesihatan, Persatuan Special Olympics Brunei Darussalam (SOBD) dan Persatuan SMARTER di bawah Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU), Majlis Paralimpik Brunei Darussalam (PCBD), Persatuan Bahasa Isyarat-Jurualih Kitani (BI-JAK), UnikLearn, La Vida, PJSC dan Pusat Akademi Sukan Memanah Ar Rafi (PASMA).

Juga hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Yang Di-Pertua Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya, Malai Sharifah Adilah Surya binti Malai Haji Abdullah; Yang Di-Pertua Majlis Paralimpik Brunei Darussalam, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor; serta pegawai-pegawai kanan kerajaan dan rakan-rakan strategik dari agensi swasta termasuk badan-badan bukan kerajaan.

# Lebih kurang 200 pekayuh meriahkan Fun Ride Night




KEMERIAHAN pada acara Fun Ride Night yang berlangsung di kawasan Dermaga Pekan Bangar.

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**TEMBURONG**, Sabtu, 14 Disember. - Fun Ride Night tampak meriah dengan hiasan basikal kerlipan lampu berwarna-warni dan bentuk menyerikan lagi acara malam tadi berlangsung di kawasan Dermaga Pekan Bangar, Daerah Permata Hijau di sini.

Lebih kurang 200 peserta dibukakan kepada para pekayuh basikal bagi memeriahkan acara bersempena Program Ke Temburong Bisai Edisi Borneo Bike Gathering kali ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Azmi bin Haji Hafneh yang juga menyempurnakan bagi pelepasan Fun Ride Night tersebut.

Para pekayuh akan menunggang basikal sejauh dalam 10 kilometer bermula dari Dermaga Pekan Bangar hingga ke Kompleks Sukan Batu Apoi.

Sejurus pelepasan, Awang Azmi berkesempatan menyaksikan pameran daripada Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya, Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas dan Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Acara juga dimeriahkan dengan penyertaan sebanyak 53 petak jualan makanan, Produk 1 Kampung 1 Produk (1K1P) dan pakaian serta 10 petak pameran dan jualan motosikal dan aksesori.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir; Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar serta ketua-ketua jabatan di bawah KHEDN.

Fun Night Ride bertujuan memeriahkan lagi Program Ke Temburong Bisai serta mengeratkan silaturahim antara peminat-peminat basikal.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn